

LATEHAN ILMIAH.

PERKAHWINAN DAN PERCHERAIAN DIKALANGAN MASHARAKAT MELAYU

(KHUSUSNYA BAGI MUKIM KELEBANG BESAR DAN MUKIM

BUKIT RAMBAI, MELAKA.)

Untuk

MEMENOHI SHARAT-SHARAT KEPERLUAN IJAZAH SARJANA MUDA

Dalam

JABATAN PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR.

Oleh

MOHD ALI BIN MOHAMAD.

Bilik Sumber
Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

KATA PENGANTAR.

Latehan Ilmiah ini disediakan adalah untuk memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda dalam Jabatan Pengjian Melayu. Disamping itu saya cuba membentangkan soal perkahwinan dan percheraiyan dikalangan masyarakat Melayu, dengan berpandukan kawasan tertentu, iaitu Mukim Kelebang Besar dan Mukim Bukit Ramhai, Melaka. Oleh kerana soal percheraiyan yang lebih mendapat perhatian orang ramai, maka saya telah menumpukan perhatian saya terhadap soal ini.

Saya sangat terhutang budi kepada orang-orang yang telah membantu saya bagi menyediakan latehan ilmiah ini. Ucapan terima kasih saya ditujukan kepada: Pengetua Mahkamah Shariah, Negeri Melaka, Tuan Sheikh Said bin Sheikh Muhammad, Enche Mohd Shah bin Haji Mohd Seh, seorang kerani diMahkamah Shariah, Penghulu yang bertugas bagi mukim-mukim yang berkenaan, Enche Ismail bin Taha, PJK, dan imam-imam kampong yang telah memberi angka-angka perkahwinan dan percheraiyan dikampong masing-masing. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Dr. Syed Hussein Alatas, yang telah memimpin saya menyediakan latehan ilmiah ini, dengan memberi tegoran, petunjuk dan nasehatnya.

Mohd. Ali bin Mohamad.

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur,
September, 1965.

KANDONGAN.

HALAMAN

KATA PENGANTAR.

BAB PERTAMA - PENGENALAN	1
Latar belakang kawasan yang dijadikan penyelidikan	3
i) Penduduk-penduduk mukim	3
ii) Pekerjaan orang-orang Melayu dimukim-mukim itu	5
a) Nelayan	6
b) Penoreh getah	7
c) Bekerja kampong serta mengambil upah	8
d) Bekerja makan gaji	9
iii) Keadaan ekonomi orang-orang Melayu dimukim itu	10
iv) Hidup bermasharakat	10
Chara saya mendapatkan bahan	11
Kesulitan-kesulitan yang saya hadapi	11
BAB KEDUA.- PERKAHWINAN DALAM MASHARAKAT MELAYU	13
Definasi perkahwinan	13
Perkahwinan dari segi Islam	14
Perkahwinan bagi masharakat Melayu dikedua-dua buah mukim	16
i) Chontoh-chontoh perbelanjaan yang digunakan	18
ii) Sikap orang terhadap perkahwinan	18
Banyaknya perkahwinan yang berlaku dalam masa 6 tahun yang lalu	22
BAB KETIGA - MASAALAH PERCHERAIAN	
Percheraian dari segi Agama Islam	24
Percheraian dari segi masharakat	34
BAB KEMPAT.	
Percheraian yang berlaku dimukim-mukim yang diselidiki	36
Mengapa peratus percheraian berbeda	37
i) Dekat dengan bandar	37
ii) Pekerjaan	38
iii) Umur	38
iv) Vices	38

Halaman.

Sebab-sebab berlakunya percheraian	39
Akibat-akibat yang timbul daripada percheraian	44
i) segi ekonomi	44
iii) segi persaudaraan	44
iii) anggapan masyarakat	45
BAB KELIMA - PENUTUP	
Tinjauan saya tentang perkahwinan dan percheraian bagi mukim	
Kelebang Besar dan mukim Bukit Rambai	46
Ulasan saya tentang upacara perkahwinan	46
Percheraian yang berlaku dalam masyarakat Melayu	49
Ulasan saya tentang percheraian bagi kawasan yang diselidiki	50
Lain-lain sebab yang mengakibatkan percheraian	51
Langkah-langkah yang mungkin mengurangkan percheraian	53
BAHAN-BAHAN BACHAAN	56.

Pembentangan perkahwinan adalah perihal yang paling serius serta penting dengan keperluan. Oleh kerana itu perihalnya adalah tentu akan mendebarkan pengalaman yang baik.

Apakah sebab-sebabnya mewujudkan kenyataan perkahwinan dalam masyarakat Melayu, sebagaimana yang berlaku dalam soal percheraian itu,

BAB PERTAMA.

PENGENALAN.

Sering kita melihat gambar-gambar pengantin bersanding dalam surat-surat khabar dan majallah-majallah dengan pengantin-pengantin yang tersenyum kelom - maqlumlah orang-orang yang berasa gembira menempuh hidup baru tetapi maseh malu-malu lagi - dan disertai dengan iringan doa semoga kekal dan bahagia. Tetapi berapa banyakkah daripada perkahwinan yang menampakkan kegembiraan itu yang kekal dan bahagia?

Soal ini mendatangkan tanda tanya pada saya, iaitu berapa ramai-kah daripada mereka yang mendirikan rumah tangga yang dapat hidup bahagia hingga keanak chuchu. Andai kata kematian sahaja yang akan memisahkan suami isteri itu. Jawabnya sangat mengechiwakan kerana banyak daripada perkahwinan orang Melayu itu terkandas dipertengahan jalan, malah ada yang dipangkal jalan lagi. Tidak sunyi pula kita membacha dalam surat-surat khabar berita-berita percheraian seperti aiAnu telah mencheraikan isterinya. Mereka mempunyai enam orang anak yang maseh kecil lagi. Membacha berita seperti ini sangat menyayat hati dan mungkin menimbulkan perasaan belas kasihan pada pembacha yang mengenangkan nasib anak-anak yang tidak berdosa dan yang malang itu. Namun bagitu banyak rumah tangga yang seperti ini yang telah menjadi pechah belah akibat daripada percheraian.

Perhubungan perkahwinan adalah perhubungan yang paling erat serta penoh dengan keperchayaan. Oleh kerana itu perpechahannya sudah tentu akan menimbulkan pengalaman yang pahit.

Apakah sebab-sebabnya maka berlaku banyak percheraian dalam masyarakat Melayu, siapakah yang bersalah dalam soal percheraian itu,

apakah akibat-akibatnya yang timbul dan bagaimanakah harus diatasi soal percheraian ini - ini adalah sebahagian daripada perkara-perkara yang sering diperbincangkan mengenai soal percheraian dalam masyarakat Melayu. Pendek kata soal percheraian ini adalah satu soal yang besar yang selalu mendapat perhatian segenap lapisan masyarakat Melayu, mahu pun lapisan atasan atau pun lapisan bawahan. Ada juga setengah golongan, khasnya golongan kaum perempuan, yang telah menyuarakan rasa kesal terhadap soal percheraian ini dan telah mendesak kerajaan supaya mengambil langkah yang lebih tegas lagi dengan mengadakan undang-undang yang lebih ketat untuk mengurangkan percheraian dikalangan masyarakat Melayu. Satu daripada shor-shor yang dichadangkan ialah supaya diadakan undang-undang yang membenarkan perkahwinan monogami sahaja. Dengan monogami ini diperchayai bahawa masaalah percheraian dapat diatasi. Tetapi saya keberatan menerima pendapat ini kerana percheraian itu mungkin berlaku walau apa sistem perkahwinan pun yang terdapat dalam satu masyarakat itu.

Memandangkan betapa besarnya soal percheraian dalam masyarakat Melayu, maka saya telah memilih tajok "Perkahwinan dan Percheraian dalam Masyarakat Melayu", berdasarkan pada kawasan yang tertentu, untuk saya jadik an mata pengkajian saya bagi menyediakan sebuah latehan ilmiah untuk memenuhi sharat-sharat keperluan ijazah Sarjana Muda dalam Jabatan Pengajian Melayu. Saya mengkaji juga soal perkahwinan kerana perkahwinan dan percheraian itu tidak mungkin dipisahkan. Namun bagitu saya menumpukan perhatian yang besar kepada soal percheraian dan memberikan gambaran sepintas lalu sahaja akan soal perkahwinan itu, kerana soal percheraianlah yang banyak mendapat perhatian orang ramai dan dianggap sebagai satu gejala masyarakat.

Soal perkahwinan dan percheraiyan ini adalah satu soal yang umum, dan dalam masa yang singkat sahaja tidak mungkin disediakan sebuah latehan yang ilmiah kalau dibicharakan soal ini bagi keselurohan Malaya. Oleh yang demikian saya telah menghadkan penyelidikan saya kepada kawasan yang tertentu sahaja dengan harapan dapat memaparkan satu gambaran yang nyata dan jelas. Saya telah mengkaji sebab-sebab berlakunya percheraiyan bagi kawasan yang saya kaji itu, akibat yang timbul daripada percheraiyan itu dan saya cuba mengulas setakat mana percheraiyan yang berlaku di-kawasan itu mengikut ajaran agama Islam.

Saya telah menumpukan pengkajian saya pada masa enam tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 1959 hingga tahun 1965.

Latar belakang kawasan yang dijadikan penyelidikan.

Untuk penyelidikan saya, saya telah memilih dua buah mukim sahaja dalam negeri Melaka, iaitu Mukim Kelebang Besar dan Mukim Bukit Rambai. Kedua-dua buah mukim ini terletak dalam daerah Melaka Tengah, Negeri Melaka. Saya telah memilih kedua-dua buah mukim ini oleh kerana saya sangat faham akan keadaannya dan mengetahui latar belakangnya dengan jelas.

Mukim Kelebang Besar ini adalah juga sebuah kampong, iaitu kampong Kelebang Besar; sementara Mukim Bukit Rambai pula mengandungi empat buah kampong, yang terdiri daripada Kampong Batang Tiga, Kampong Pokok Asam, Kampong Bukit Rambai dan Kampong Paya Mengkuang. Kedua-dua buah kampong ini ditadbirkan oleh seorang penghulu.

Penduduk-penduduk mukim. Kedua-dua mukim ini, sechara penafsiran yang kasar, mempunyai penduduk seramai kurang lebuh 8,000 orang,¹ yang terdiri

1. Angka sechara anggaran diberi oleh Dato' Penghulu. Tidak ada banchi.

daripada berbagai-bagai bangsa - bangsa Melayu, bangsa China dan bangsa India. Daripada jumlah penduduk yang seramai ini yang ada dikedua-dua buah mukim itu, penduduk Melayunya adalah seramai 4,787 orang,² iaitu kira-kira 60% daripada jumlah penduduk. Sekiranya dipecahkan angka ini kapada penduduk-penduduk Melayu bagi tiap-tiap sebuah kampong, maka angka bagi tiap-tiap sebuah kampong itu adalah seperti berikut:-

Kampong Kelebang Besar	1,873	orang
Kampong Batang Tiga	506	orang
Kampong Pokok Asam	757	orang
Kampong Bukit Rambai	642	orang
Kampong Paya Mengkuang	1,009	orang
<u>Jumlah</u>		<u>4,787</u>	<u>orang</u>

Daripada angka-angka yang diatas ini kita lihat bahawa sebilangan besar penduduk-penduduk terdapat didua buah kampong, iaitu kampong Kelebang Besar dan Kampong Paya Mengkuang. Jumlah penduduk bagi kedua buah kampong ini ialah 2,882 orang, iaitu seramai 60% daripada jumlah penduduk Melayu.

Seterusnya daripada penduduk yang seramai 4,787 orang itu, ada kira-kira 1,300 orang yang didalam lingkungan umur 16 tahun ke 60 tahun,³ iaitu yang dimaksudkan dengan orang-orang yang didalam lingkungan boleh bekerja. Angka ini menunjukkan kira-kira 29% daripada jumlah penduduk-penduduk Melayu.

-
2. Angka diperoleh dari banchi fitrah bagi tahun 1965 dari Pejabat Agama, Melaka.
 3. Angka sechara anggaran diberi oleh Dato' Penghulu, kerana tiada banchi.

Pekerjaan orang-orang Melayu dimukim-mukim itu. Dipandang sechara kasar sahaja, kira-kira 90% daripada orang-orang yang ada bekerja didalam mukim-mukim yang berkenaan adalah bekerja kampong, yaani mereka bergantong semata-mata kepada tenaga tulang empat kerat mereka untuk mendapatkan nafkah hidup; chuma sebilangan yang kecil sahaja yang bekerja makan gaji, sama ada bekerja dengan kerajaan, atau makan gaji dengan saudagar-saudagar China. Hal ini tidaklah menghairankan oleh kerana hampir semua penduduk dikedua-dua buah mukim itu tidak mendapat pelajaran yang tinggi, yaani mereka tidak mendapat pelajaran disekolah Inggeris, hanya setakat lulus sekolah Melayu darjah enam sahaja, dan ada juga yang sudah berhenti setelah tamat darjah dua atau tiga sahaja, iaitu mereka masih belum boleh membacsa dan menulis lagi. Hanya golongan yang kecil sahaja yang lebih bernasib baik dapat belajar disekolah Inggeris, kerana sekolah-sekolah Inggeris hampir semuanya terdapat dibandar sahaja. Sekolah Melayu hidup disekitar kampong dan dekat dengan masyarakat kampong. Oleh kerana tidak berpelajaran Inggeris maka bidang pekerjaan mereka menjadi sangat sempit, kerana boleh dikatakan banyak jawatan-jawatan kerajaan memerlukan kelulusan sekolah Inggeris sebagai satu sharat yang penting untuk mendapatkan pekerjaan; bagitu juga halnya jika hendak mendapatkan pekerjaan dengan saudagar-saudagar China. Dengan berkelulusan sekolah Melayu sahaja, mereka tidak mungkin mengharapkan pekerjaan yang baik-baik, dan yang paling bernasib baik berjaya menyandang jawatan guru sekolah Melayu. Itu pun bilangannya segelintir sahaja, iaitu ada 22 orang sahaja. Yang tidak senasib baik seperti guru-guru itu dapat juga bekerja sebagai pemandu kereta taukeh atau bekerja menjadi peon, sementara yang lain yang

malang itu, terpaksa mengikut jejak langkah orang-orang tua mereka, iaitu bekerja kampong.

Seperti yang telah diterangkan bahawa daripada golongan orang-orang yang termasuk didalam lingkungan yang boleh bekerja, iaitu daripada 1,300 orang itu, hanya 10% daripada mereka yang bekerja makan gaji, seperti menjadi guru, kerani, pemandu kereta dan peon. Yang 90% lagi itu bekerja sendiri. Antara pekerjaan-pekerjaan yang dilakukan oleh mereka dalam golongan ini ialah seperti menangkap ikan (nelayan), menoreh getah, dan bekerja kampong serta mengambil upah. Untuk mengetahui bagaimana mereka ini mendapatkan wang untuk keperluan hidup, saya rasa lebih baik kalau diperkatakan pekerjaan-pekerjaan mereka dengan lebih lanjut lagi.

Nelayan. Orang-orang yang bekerja sebagai nelayan terdiri daripada mereka yang tinggal dikawasan-kawasan pinggir laut. Mereka itu adalah orang-orang yang diam dikampong Kelebang Besar, kampong Batang Tiga dan kampong Pokok Asam, kerana ketiga-tiga buah kampong ini letaknya berhampiran dengan laut.

Chara nelayan-nelayan ini menangkap ikan adalah dengan chara yang 'traditional', iaitu dengan menggunakan perahu yang kecil-kecil yang boleh dimuat oleh seorang atau dua orang sahaja, dan dengan menggunakan panching atau jaring yang kecil sahaja. Semua alat-alat itu tidak menghendakkan wang yang banyak untuk memperolehinya, dan dengan itu terdayalah nelayan-nelayan sekalian memileki semua alat-alat yang diperlukan itu. Masanya nelayan-nelayan itu mula kelaut adalah pada pagi-pagi lagi, biasanya waktu suboh, dan seterusnya waktu petang, kira-kira pukul tiga, baharulah mereka balek. Oleh kerana chara penangkapan ikan itu dilakukan

dengan chara yang 'traditional', iaitu chara yang kechil-kechilan sahaja, hasil daripada penangkapan mereka itu tidak mungkin banyak. Selalu saya pergi ketepi laut untuk menyaksikan hasil penangkapan mereka yang kechil itu. Sering saya melihat ada diantara nelayan-nelayan yang mendapat hanya satu atau dua ekor ikan parang, dan selalu juga terdapat nelayan-nelayan yang balek dengan tangan kosong sahaja, yaani tidak mendapat apa-apa tangkapan; kalau sekiranya mereka pergi memanching yang dibawa balek bersama hanyalah anak-anak ikan yang digunakan sebagai umpan untuk memanching. Selain daripada tidak mendapat tangkapan yang banyak, bekerja menangkap itu adalah juga satu mata pencharian yang tidak tetap kerana bergantung pada keadaan laut. Sekiranya ombak laut besar, tidak mungkin nelayan pergi menangkap ikan, kerana dengan menggunakan perahu yang kechil-kechil tentu sangat berbahaya. Pernah berlaku dikampung Batang Tiga seorang nelayan mati tenggelam dilaut apabila perahu kechilnya telah terbalek dipukul oleh ombak yang besar.

Penoreh Getah. Sebahagian daripada orang-orang yang diam jauh sedikit dari laut menchari nafkah hidup mereka dengan menoreh getah. Penoreh-penoreh getah ini terdiri daripada orang-orang yang tinggal dikampung Bukit Rambai dan kampong Paya Mengkuang. Boleh dikatakan hampir semua daripada penoreh getah ini menoreh getah yang dippunyai oleh orang lain. Luas kawasan getah yang ditorehnya mungkin tiga atau empat ekar yang dippunyai oleh orang Melayu, atau pun estet yang besar yang dippunyai oleh taukeh China.

Masa penoreh-penoreh getah ini mula menoreh ialah pada waktu suboh lagi, iaitu kira-kira pukul lima pagi, dan selalunya sampai pukul satu baharulah selesai kerja mereka, membeku dan memesen getah.. Chara

pendapatan yang mereka perolehi daripada menoreh getah itu ialah dengan chara bagi dua, yaani wang diperolehi daripada jualan getah itu dibahagi dua antara penoreh dan tuan punyai getah itu. Hal ini berlaku sekiranya tanah getah itu dimiliki oleh orang Melayu. Tetapi kalau menoreh getah estet penoreh itu akan mendapat bayaran yang tetap, seperti 40 sen bagi tiap-tiap satu kati susu getah yang dikeluarkan.

Biasanya seorang penoreh getah itu boleh menoreh antara 300 hingga 350 pokok getah dan mendapat susunya kira-kira lapan kati sehari⁴, dan mereka menoreh kurang lebih dua puluh empat hari dalam satu bulan. Dengan harga getah dalam lingkongan 70 sen ke 80 sen, maka pendapatan orang-orang ini memang sangat tidak mencukupi. Seorang penoreh getah boleh mendapat kurang lebih \$80 sebulan.

Bekerja kampong serta mengambil upah. Tetapi bilangan besar daripada orang-orang yang diam jauh dari pinggir laut itu hidup dengan bekerja kampong serta mengambil upah. Yang dimaksudkan dengan kerja kampong ini ialah pekerjaan-pekerjaan yang tidak dapat dijeniskan kapada jenis-jenis yang tertentu seperti menoreh getah dan menangkap ikan. Pekerjaan yang digolongkan kedalam golongan ini adalah seperti menjual kayu api, menganyam tikar, menurunkan kelapa, berkebun dan mengerjakan sawah. Faedah yang diperolehi daripada pekerjaan kampong itu bukan sahaja tidak lumayan, bahkan untuk mencukupi sara hidup hari-harian untuk keluarga sendiri pun sangat susah. Oleh itu pekerjaan kampong ini sangat perlu dibantu dengan kerja-kerja lain, dan peluang yang ada ialah dengan jalan mengambil upah. Biasanya orang-orang yang mengambil upah ini bekerja

4. Berdasarkan orang yang menoreh getah ayah saya.

dengan orang China, seperti menaikkan jalur sayur dan menchabut rumput dijalur-jalur sayur itu. Selepas musim menanam padi mereka mengambil upah menchabut rumput dipetak padi, dan kalau musim menuai padi pula mereka mengambil upah memotong dan 'membanting' padi. Dalam hal bekerja mengambil upah ini kaum perempuan juga tidak kurang beserta mengambil bahagian. Pendapatannya sangat sedikit. Kalau bekerja mengambil upah sehari suntok, dari pagi hingga kepetang, iaitu dari pukul lapan pagi hingga enam petang dengan mengambil rehat makan tengah hari, baharu mendapat upah tiga ringgit sahaja. Ada kalanya bekerja mengambil upah ini dilakukan pada sebelah pagi sahaja atau pada sebelah petang sahaja, dan pada masa yang mereka tidak mengambil upah mereka mengerjakan pekerjaan mereka sendiri. Kalau dikira sechara kasar sahaja pendapatan daripada bekerja mengambil upah dan bekerja kampung ini tidak ubah seperti pendapatan orang-orang yang menangkap ikan dan menoreh getah.

Bekerja makan gaji. Seperti yang telah diterangkan, bilangan yang kecil sahaja yang bekerja makan gaji, sama ada makan gaji dengan kerajaan atau makan gaji dengan saudagar-saudagar China. Diantara mereka yang termasuk dalam golongan ini ada sebilangan yang kecil sahaja yang telah bernasib baik mendapat didikan disekolah Inggeris, dan mereka ini bekerja sebagai kerani dan guru sekolah Inggeris. Dan yang lulus sekolah Melayu tetapi yang bernasib baik menjadi guru sekolah Melayu. Yang lain bekerja sebagai peon atau pemandu kereta taukeh. Ada juga anak-anak muda yang pergi bekerja ditempat lain, seperti menjadi askar atau bekerja sebagai boroh kasar dibandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan Singapura.

Yang bekerja sebagai kerani dan guru sekolah itu beroleh pendapatan yang agak lumayan juga, kalau dibandingkan dengan pendapatan

orang-orang yang bekerja kampong, sedangkan yang bekerja sebagai peon dan pemandu kereta itu walau pun mereka menerima gaji yang kecil, namun pendapatan mereka itu tetap. Keadaan hidup mereka lebih baik daripada orang yang bekerja kampong.

Keadaan ekonomi orang-orang dimukim-mukim ini. Keadaan ekonomi orang-orang Melayu dalam mukim-mukim yang diselidiki adalah semata-mata bergantong kapada usaha pencharian mereka sendiri. Mereka tidak mempunyai harta, dan kalau ada pun hanyalah tanah tapak rumah dan sebidang atau dua tanah sawah yang dikerjakan mereka. Mereka tidak bernasib baik mewaristi tanah yang luas atau harta yang banyak daripada orang tua mereka, kerana nasib orang tua mereka pun serupa dengan nasib mereka sendiri. Oleh itu keadaan ekonomi nelayan-nelayan, penoreh getah dan yang bekerja kampong serta mengambil upah itu serba berkurangan. Hidup mereka boleh disifatkan seperti hidup ayam, kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Orang yang makan gaji keadaan hidup mereka lebih baik dan lebih terjamin. Pendapatan guru dan kerani lebih daripada mencukupi, dan hal inilah yang menerangkan mengapa mereka ini yang mampu menghantar anak-anak mereka kesekolah Inggeris. Kebanyakannya daripada orang yang bekerja kampong terpaksa memberhentikan anak-anak mereka dari bersekolah setelah lulus darjah lima atau darjah enam sahaja, kerana mereka perlukan pertolongan anak-anak mereka untuk bekerja dibendang, mengambil upah atau pun kelaut. Dengan ini diharapkan pendapatan mereka akan bertambah.

Hidup bermasharakat. Hidup bermasharakat dikampong-kampong yang berkenaan bolehlah dikatakan erat. Seperti juga dikampong-kampong lain, penduduk kampong ini hidup saling tolong menolong, mahu pun dalam

hal sakit pening atau pun dalam melakukan satu-satu kerja yang lebih besar, seperti mendirikan rumah atau menyiapkan sawah. Hal ini mungkin berlaku kerana penduduk-penduduk kenal betul antara satu sama lain, mempunyai perhubungan yang rapat dan saling memahami masaalah yang mereka hadapi. Perhubungan yang rapat ini adalah disebabkan oleh ramai diantara mereka yang mempunyai perhubungan persaudaraan, mempunyai dato' dan nenek yang sama, diperanakkan dirumah yang sama. Yang lain yang tidak ada perhubungan darah, mereka bersekolah disekolah yang sama, mengaji Quran pada guru yang sama dan sembahayang pun dimasjid yang sama.

Demikianlah pertalian persahabatan mereka dan jarang-jarang terdapat pergaduhan, sunggoh pun kadang-kadang ada juga.

Chara saya mendapatkan bahan. Untuk mendapatkan bahan bagi latehan ilmiah ini saya telah menjalankan penyelidikan saya dengan mengadakan temuramah-temuramah dengan Tuan Yang diPertua, Mahkamah Shariah, Negeri Melaka, Tuan Sheikh Said bin Sheikh Muhammad, Dato' Penghulu yang bertugas bagi kedua-dua buah mukim ini, iaitu Enche Ismail bin Taha, dan Imam-imam bagi semua kampong yang ada dalam mukim ini, serta beberapa orang yang telah bercherai, terutama orang laki-laki.

Kesulitan-kesulitan yang saya hadapi. Untuk menjalankan penyelidikan bagi mendapatkan bahan-bahan yang diperlukan, saya terpaksa mengalami beberapa kesulitan yang besar, yang sekiranya dapat diatasi akan membolehkan saya mengemukakan gambaran yang lebih tegas dan lebih nyata lagi. Kesulitan-kesulitan yang saya hadapi adalah seperti berikut:-

1. Angka bagi penduduk semua bangsa bagi kedua-dua buah mukim itu

tidak dapat diperoleh dengan tepat kerana tidak ada banchi.

Angka yang ada adalah sechara kurang lebeh sahaja yang telah diberikan oleh Dato' Penghulu.

2.Temuramah dengan orang-orang yang sudah bercherai boleh dikatakan terbatas kepada orang laki-laki sahaja, hanya seorang perempuan yang setuju mengesukakan sebab-sebab ia bercherai, yang lain tidak mahu memberikan kerja sama. Kadang-kadang sebab yang dikemukakan oleh pihak laki-laki tidak semestinya adil.

3.Mahkamah Shariah bagi negeri Melaka adalah sebuah mahkamah yang baru ditubuhkan, kira-kira empat tahun yang lalu. Oleh itu rekod-rekod lama tidak disimpannya. Untuk mendapatkan bahan-bahan bagi jangka masa enam tahun yang kebelakangan ini saya terpaksa merojek kapada Imam-imam. Malangnya ada juga imam-imam yang tidak menyimpan rekod lama, oleh itu tidak dapat diperolehi bahan yang lengkap. Imam bagi kampong Pokok Asam tidak menyimpan rekod nikah cherai dengan lengkap dan saya perchaya angka-angka yang diperolehi bagi kampong itu tidak boleh dianggap sebagai angka yang lengkap.

BAB KEDUA.

PERKAHWINAN DALAM MASHARAKAT MELAYU.

Sebelum membinchangkan soal percheraiyan yan menjadi pokok pengkajian ini, penting terlebih dahulu diperkatakan soal perkahwinan. Seperti yang diterangkan dalam bab pertama, perkahwinan dan percheraiyan sangat berhubong rapat, andai kata kalau tidak ada perkahwinan tidak mungkin ada percheraiyan.

Definasi perkahwinan.

Apakah yang dimaksudkan dengan istilah perkahwinan itu?

Ditinggau dari segi sociology, erti perkahwinan itu mengikut Ralph Linton ialah: " Suatu perhubongan antara orang-orang yang berlainan jantina yang diiktiraf oleh masharakat. Perkahwinan ini berbeda dengan perhubongan sex dengan sechara tidak berkahwin ialah pada dasarnya disebabkan oleh faktor akuan masharakat itu. Perkahwinan itu sebagai satu perlembagaan (institution) masharakat dianggap penting, kerana ia mengadakan satu dasar yang kuat untuk perkembangan dan organisasi kelompok "conjugal". Fungsi perkahwinan untuk menyempurnakan kehendak-kehendak sex dan seterusnya untuk melahirkan anak adalah faktor kedua."⁵

Dari pada definasi yang diatas ini dapatlah dirumuskan bahawa perkahwinan sebagai suatu perlembagaan ialah bukan hanya perhubongan antara laki-laki dengan perempuan untuk menyempurnakan kehendak sex dan seterusnya melahirkan anak, tetapi dari segi yang lebih pentingnya ialah

5. Ralph Linton, The Study of Man, hal. 173, Appleton-Century Crofts, New York, 1936.

sebagai dasar yang kuat untuk perkembangan dan organisasi kelompok "conjugal"

Perkahwinan dari segi Islam.

Tuhan telah berfirman dalam Quran:

"Dan sebahagian daripada ayat-ayat-Nya bahawa Ia jadikan bagi kamu, dari jenis kamu, jodoh-jodoh yang kamu bersenang kapadanya, dan Ia jadikan diantara kamu perchintaan dan kaseh sayang." (Surah 30, ayat 21).

Dari pada apa yang terkandong didalam Quran itu nyatakan bahawa Tuhan telah menchiptakan manusia kepada jenis laki-laki dan jenis perempuan agar dapat perhubungan yang halal antara kedua-dua jenis ini, dengan penoh perasaan chinta dan kaseh sayang.

Sudah terang Quran menggalakkan perhubungan antara laki-laki dan perempuan. Tetapi tidak seperti haiwan yang lain, perhubungan antara dua jenis manusia yang berlainan jenis itu mesti mengikut kehendak agama. Yang diperlukan oleh Islam dalam perhubungan ini ialah institution nikah, yaani perhubungan antara dua jenis manusia yang berlainan jenis itu mesti didahului oleh nikah. Nikah ini adalah saripati daripada undang-undang perhubungan dalam undang-undang Islam. Nikah, seperti yang diterangkan dalam 'Dictionary of Islam', ialah suatu iatilah yang bererti "perjanjian perkahwinan".^{6.}

Didalam buku "Tawdih" perkahwinan itu ada diterangkan seperti berikut: "Perkahwinan ialah suatu institution yang disahkan untuk beberapa tujuan. Undang-undang Islam mengadakan institution perkahwinan itu supaya membolehkan perhubungan sex antara dua manusia yang berlainan jenis

6. T.F. Hughes, Dictionary of Islam, hal. 433, dipetek dari World Muslim League, Vol.I, No. 11, Oct. 1964.

dengan tujuan hendak memelihara umat manusia, menjadikan orang yang sopan yang tidak melakukan kejahatan, menggalakkan kesuchian dan mendatangkan kasih sayang antara suami isteri, serta tolong menolong antara satu sama lain.⁷

Daripada dua definisi yang dikemukakan diatas, nyatahal kapada kita bahawa erti perkahwinan itu sama sahaja, mahu pun ditinjau dari segi sociology atau pun dari segi agama.

Ada beberapa ayat lagi yang terdapat didalam Quran berkenaan dengan institution perkahwinan itu. Quran menganggap perkahwinan itu sebagai suatu perkara yang biasa berlaku, dan menchadangkan orang-orang yang maseh bujang supaya berkahwin. Perkara ini ada diterangkan dalam Quran:

"Dan kahwinkanlah orang-orang laki-laki dan perempuan yang janda dari antara kamu dan hamba-hamba laki-laki dan hamba-hamba perempuan kamu yang layak (berkahwin) (Surah 24,ayat 32).

Dan sekiranya ada pula orang laki-laki yang tidak mampu berkahwin, Quran ada menyuruh:

"Dan hendaklah orang-orang yang belum mampu berkahwin menjaga kehormatan mereka, hingga Allah mampukan kereka dengan kurnia-Nya." (Surah 24, ayat 33).

Jadi mengikut Islam perkahwinan itu adalah suatu perkara yang digalakkan, hanya orang-orang yang tidak mampu dan yang tidak mendapat pasangan sahaja yang harus membujang. Dan orang-orang ini tidak boleh melakukan perkara yang chemar dan yang ma'siat.

Yang perlu didalam perkahwinan Islam ialah upacara nikah. Oleh kerana nikah itu dianggap sebagai suatu 'contract' atau suatu

7. Dipetek dari World Muslim League, hal.33, Vol.I, No. 11, Oct.1964.

perjanjian, maka Islam menerima perchoraian. Seperti juga perjanjian yang lain yang boleh diputuskan, maka perjanjian perkahwinan pun demikian juga. Tetapi perchoraian seperti mana yang dibenarkan oleh Islam tidak semudah yang difikirkan oleh orang-orang yang bukan Islam dan juga orang-orang Islam yang salah memahamkan erti perchoraian dalam Islam itu. Soal perchoraian ini akan dibincangkan kemudian.

Perkahwinan bagi masyarakat Melayu di kedua-dua mukim itu.

Seperti mana yang telah diterangkan bahawa saripati perkahwinan dari segi agama Islam ialah upachara nikah, tetapi bagi orang-orang Melayu di kedua-dua buah mukim ini, bagitu juga bagi orang-orang Melayu diseluruh Tanah Melayu, bahawa perkahwinan itu lebih daripada hanya upachara nikah itu. Pada mereka perkahwinan itu bukan hanya memerlukan nikah, tetapi memerlukan adat istiadat yang besar-besaran, yang meriah, dengan kueh mueh yang beranika ragam serta makanan yang banyak, seolah-olah kalau tidak diadakan adat istiadat ini disamping upachara nikah, tidak sah pula perkahwinan itu. Tetapi hal ini tidak mungkin dijadikan alasan untuk mengaritik perkahwinan secara besar-besaran. Kita harus juga meninjau perkahwinan dari segi social, iaitu dari segi adat resam masyarakat. Seperti kata Syed Alwi: "Diantara segala adat-adat resam Melayu, tidak shak lagi atoran nikah kahwin inilah yang amat diambil berat oleh orang dan mereka menjalankannya dengan chara besar-besaran. Adat peratoran nikah kahwin ini juga yang habis rumit peratorannya dan berkehendakkan kapada modal besar atau wang banyak menyempurnakannya dengan jaya." ^{8.}

Upachara perkahwinan ini dipandang sebagai suatu upachara

8. Syed Alwi bin Sheikh Al-Hadi, Adat Resam dan Adat Istiadat, hal. 20,

yang penoh kegembiraan. Ibu bapa gembira kerana menerima menantu, mempelai bergembira kerana mendapat pasangan hidup. Pendek kata semua yang hadhir bergembira, pehak tuan rumah bergembira, mempelai bergembira, dan tetamu yang datang juga turut bergembira, kerana dapat serta dalam upachara itu dia.. juga dijamu dengan makanan dan kueh mueh yang enak-enak belaka. Oleh yang demikian sudah menjadi adat bahawa upachara yang segembira itu disertai dengan majlis makan dan minum yang besar-besaran, 'habis-habisan'. Maalumlah menjadi "raja sehari" bukannya selalu, dan bagi pehak perempuan pula itulah sekali.

Upachara perkahwinan yang dilakukan dikedua-dua buah mukim ini saya rasa banyak yang tidak setaraf dengan keadaan ekonomi orang-orang yang serba kekurangan itu. Biasanya dalam suatu istiadat perkahwinan itu ibu bapa pengantin, sama ada pengantin laki-laki atau pun pengantin perempuan, membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan alat perhiasan rumah yang chantek-chantek, seperti tempat tidor yang dihiasi dengan kain sutera yang mahal; untuk mengadakan kueh mueh yang berjenis-jenis, tujoh lapan jenis sudah menjadi kebiasaan. Kueh mueh itu perlu, kerana kalau tiada berkueh akan menjadi satu chakapan orang pula, akan diumpat oleh tetamu yang datang. Basarnya ialah biar habis wang asalkan tiada dikata orang. Disamping kueh mueh ini ada pula jamuan makan yang istimewa. Tidak chukup setakat menghidangkan nasi puteh sahaja, mesti disediakan nasi minyak. Kalau nasinya istimewa, gulainya juga mesti istimewa, kormak, ikan masak pedas, rojak, achar, dan seumpamanya, disediakan. Sering pula "tumbang" seekor lembu atau kerbau untuk upachara itu.

Yang dimaksudkan dengan "membelanjakan wang yang banyak" itu ialah banyak kalau dibandingkan dengan keadaan hidup mereka.. Sebagai

chontoh yang menunjukkan betapa banyak wang yang digunakan, ingin saya mengemukakan jumlah perbelanjaan untuk mengadakan suatu upacara perkahwinan. Untuk perbandingan saya telah mengambil chontoh dua perkahwinan, yang suatu sechara kecil-kecilan sahaja, sementara yang suatu lagi sechara besar-besaran, bagi mendapatkan gambaran yang nyata.

Seperti yang diterangkan oleh Syed Sheikh, upachara perkahwinan itu amat rumit pekerjaannya, bukannya boleh selesai dalam satu hari sahaja. Dalam semua kampong dalam kedua-dua mukin itu, suatu upachara perkahwinan itu memakan masa beberapa hari, iaitu hari mengantong, berinai kecil, berinai besar, hari langsung bagi rumah perempuan, dan hari bertandang bagi pehak laki-laki. Pada tiap-tiap peringkat upachara yang tersebut, ada tetamu dan juga orang-orang yang datang menolong, dan mereka semuanya perlu dijamu.

Chontoh-chontoh perbelanjaan yang digunakan.

Chontoh-chontoh ini ialah bagi perkahwinan anak dara. Ada juga perkahwinan janda yang berlaku, tetapi saya fikir tidak perlu dibentangkan perbelanjaannya yang memerlukan kurang lebeh \$100/ sahaja itu.

A. Suatu upachara kecil-kecilan bagi pihak laki-laki:-⁹

Hantaran belanja	\$ 200/-
Daging 50 kati	\$ 85 /
Ikan, beras, sayur-sayuran, dll.	\$ 5 50/-
Kueh mueh	\$ 50/-
Sewa pinggan mangkok	\$ 10 80/-
Lain-lain hal	\$ 20/-
Jumlah	\$ 435/-

9. Temuramah dengan suatu keluarga yang dikenal dikampung Bukit Rambai.

Ini adalah jumlah perbelanjaan bagi suatu upachara perkahwinan yang kechil-kechilan sahaja. Ramai para jemputan yang hadhir pada hari bertandang, iaitu hari yang mustahak bagi menjamu tetamu, ada kira-kira enam puluh dulang. Bagi tiap-tiap suatu dulang itu seramai lima orang, jadi jumlahnya 300 orang; angka ini termasok kanak-kanak.

Yang yang diterima daripada para jemputan sebagai pemberian ada kurang lebih \$40/. Oleh itu bermaanalah jumlah perbelanjaan yang perlu diadakan sendiri maseh lagi \$390/. Jumlah ini adalah suatu jumlah yang besar bagi suatu keluarga yang ramai yang bergantong hanya kapada pencharian seorang ayah (laki) yang bekerja sendiri, dengan pendapatan yang tidak melebihi \$ 90/ sebulan.

B.	Suatu upachara besar-besaran bagi pehak laki-laki:- ¹⁰
	Hantaran belanja \$ 400/
	Memotong seekor lembu \$ 265/
	Ikan, beras dan sayur-sayuran \$ 165/
	Sewa pinggan mangkok \$ 35/
	Kueh mueh \$ 100/
	Telor merah \$ 80/
	Tambang kereta kerumah perempuan \$ 60/
	Musik parti \$ 75/
	"perkara-perkara runchit" \$ 60/
	Jumlah \$ 1,175/

Yang diterima sechara pemberian agak banyak juga, kerana selain daripada jemputan Melayu ada juga orang-orang China yang dijemput, dan biasanya seorang jemputan China memberi paling kurangnya 4 %. Jumlah

10. Temuramah dengan suatu keluarga yang dikenal dikampung Paya Mengkuang.

pemberian adalah kira-kira \$ 450/. Dengan itu berm�analah wang sendiri yang mesti diadakan ialah \$ 725/ bagi upachara itu.

Jumlah para tetamu yang hadhir, tidak dikira waktu berinai besar dan langsung, hanya diambil hari bertandang sahaja, ada kira-kira 800 orang, iaitu termasuk kanak-kanak.

Daripada dua chontoh yang diatas itu nyatalah kepada kita bahawa wang yang diperlukan itu adalah banyak. Dengan keadaan ekonomi mereka yang serba kekurangan, wang yang sebanyak ini yang diperlukan, sukar hendak diadakan. Namun bagitu upachara besar-besaran mesti dijalankan, seolah-olah sudah menjadi suatu sharat yang mutlak. Sekiranya tidak chukup wang yang dikumpulkan, digadainya apa-apa barang yang ada. Kadang-kadang mereka yang mempunyai beberapa ekor lembu atau kerbau akan menjual seekor atau dua binatang itu tadi. Kalau tidak ada barang yang boleh digadai atau binatang, meminjam pula. Tidak hairanlah selepas upachara perkahwinan itu ada ibu bapa yang mengeloh kerana terpaksa memikul hutang yang banyak.

Seperti yang telah diterangkan diatas, mungkin tetamu yang datang menunjukkan rasa terima kasih mereka kepada tuan rumah dengan memberi buah tangan. Biasanya buah tangan yang diberi itu adalah wang. Kalau para jemputan itu terdiri dari orang-orang kampong itu sendiri, maka pemberian yang diterima itu kecil sahaja. Ada yang memberi hanya dua atau tiga puluh sen sahaja, kerana hendak menchukupi sharat. Mungkin sekiranya orang luar yang datang pemberiannya akan menjadi lebih lagi.

Bukanlah tujuan saya disini hendak menyalahkan orang-orang kampong yang mengadakan upachara perkahwinan itu sechara besar-besaran, kerana nilai saya tidak akan sama dengan nilai mereka; mungkin mereka mendapat kepuasan dengan mengadakan upachara besar itu. Saya hanya

membentangkan kenyataan sahaja.

Seperkara lagi yang dapat diperhatikan dalam upacara perkahwinan dikampung-kampung bagi kedua-dua buah mukim itu ialah adanya semangat tolong menolong untuk menjayakannya. Seperti yang telah dinyatakan ramai daripada penduduk-penduduk kampong itu ada perkaitan kekeluargaan. Oleh itu tidak hairanlah kalau ada suatu upacara perkahwinan dikampung, orang-orang kampong itu akan meninggalkan pekerjaan mereka untuk meraikan majlis perkahwinan itu. Pendek kata pada hari perkahwinan itu pekerjaan mereka sendiri terbengkalai. Dan dirumah orang kahwin itu pula, suntok sehari-harian dimainkan piring-piring hitam atau kadang-kadang dihiborkan oleh sebuah pancharagam musik. Tujuannya ialah untuk memberi hiburan kepada orang-orang yang datang menolong bekerja dalam upacara itu, kerana diperchayai bekerja sambil dihiborkan itu akan mengurangkan rasa penat lelah. Dan pada waktu malamnya pula maseh terdapat lagi apa yang dikatakan "bermain tambar". Bermain tambor ini adalah satu temasha untuk bersuka ria, menyenangkan hati, iaitu berjoget dan berbalas pantun, dan diadakan pada malam selepas perkahwinan itu. Yang berjoget ialah orang-orang perempuan, anak dara serta janda, sementara orang laki-laki menyaksikan. Biasanya dalam berbalas pantun itu antara orang laki-laki dengan orang perempuan kerap terjalin ikatan chinta antara mereka yang berbalas pantun itu. Temasha ini biasanya berjalan terus hingga kepagi hari, kira-kira waktu suboh. Ramai daripada orang yang datang menyaksikan temasha bermain tambor itu tidak larat lagi melakukan pekerjaan mereka pada siang harinya kerana terlalu leteh dan mengantok .

Sikap terhadap perkahwinan. Yang menarik perhatian saya ialah sikap orang-orang kampong itu terhadap perkahwinan. Sikap mereka ini saya

kira adalah suatu sikap yang telah usang, yang telah lapok dan patut dilupakan sahaja. Biasanya anak perempuan yang berkahwin itu maseh "mentah" lagi, belum chukup akal. Anak-anak perempuan itu biasanya berumur dibawah dari dua puluh tahun; ada kalanya anak yang dikahwinkan itu baharu meningkat kelima belas tahun. Kalau sekiranya ada anak dara yang telah melewati dua puluh tahun dan maseh belum berkahwin lagi, maka dikatakan anak dara tua. Seriyyg anak-anak yang dikahwinkan itu belum mengerti selok belok berumah tangga lagi, dan ini adalah satu daripada sebab-sebab yang rumah tangga itu tidak kekal. Sering berlaku anak laki-laki yang berkahwin semasa umurnya maseh belum meningkat dua puluh tahun. Dikampong Batang Tiga ada seorang anak muda yang telah mendirikan rumah tangga waktu umurnya kira-kira lapan belas tahun. Lama kiranya bapanya terpaksa menanggong isterinya itu. Baharu-baharu ini dikampong Bukit Rambai seorang anak muda yang baharu sahaja tamat Sijil Rendah Pelajaran (L.C.E.) sudah mendirikan rumah tangga. Betapa besarnya soal perkahwinan itu tidak diperhitungkan.

Banyak perkahwinan yang berlaku dalam masa enam tahun yang lepas.

Seperti yang telah diterangkan, bahawa soal perkahwinan dan percheraian bagi kampong-kampong dalam mukim-mukim yang berkenaan, adalah ditinjau dalam jangka masa enam tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 1959 hingga tahun 1965. Dalam jangka masa yang tersebut, terdapat dalam kampong-kampong yang diselidiki itu sebanyak 168 perkahwinan. Tetapi angka ini hanya menggambarkan perkahwinan yang berlaku dalam tempoh enam tahun yang kebelakangan ini sahaja. Daripada angka penduduk yang seramai 4,787 orang itu, angka yang sekecil ini tidak memberi maana. Oleh itu untuk mendapatkan gambaran yang lebih nyata yang boleh mewakili angka penduduk

bagi kampong-kampong itu, perlu dichtetatkan angka orang-orang yang sudah berkahwin sehingga tahun 1959, dan seterusnya diperturunkan angka orang yang berkahwin antara tahun 1959 dan tahun 1965. Angka-angkanya adalah seperti berikut:-^{11.}

<u>Kampong</u>	<u>Hingga 1959</u>	<u>1959 - 1965</u>	<u>Jumlah.</u>
Kelebang Besar	256	42	298
Batang Tiga	69	13	82
Pokok Asam	93	12	105
Bukit Rambai	102	18	120
Paya Mengkuang	142	83	225
Jumlah	662	168	830

Daripada 4787 orang jumlah penduduk -penduduk,hingga tahun 1965, ada 830 orang yang sudah berkahwin. Kalau dilihat dengan chara kasar, akan didapati bahawa bagi tiap-tiap enam orang penduduk, satu orang yang sudah berkahwin.

11. Angka bagi tahun 1959 hingga 1965, diperoleh daripada imam-imam kampong. Sementara angka hingga tahun 1959 diperoleh daripada banchi fitrah yang terdapat diWahkamah Shariah.

BAB KETIGA.

MASAALAH PERCHERAIAN.

Percheraian dari segi agama Islam.

Tidak beberapa bulan yang lalu, seorang pensharah undang-undang diUniversiti Singapura, berbangsa Burma, U Hla Aung, telah mengeritik dengan hebatnya undang-undang nikah kahwin Islam dan telah memberi beberapa shor seperti mengetatkan lagi undang-undang cherai dan mengadakan beberapa peratoran supaya lebih susah suami hendak mencheraikan isterinya. Shor-shornya itu ditentang hebat oleh Ulama'-ulama' Malaya yang berperi-peri mengatakan bahawa undang-undang Islam telah lengkap, undang-undang Tuhan yang tiada chelanya, tiada payah dipinda lagi.

Saya bersetuju dengan pendirian ulama'-ulama' yang menentang pendapat pensharah itu. Undang-undang nikah kahwin Islam tidak ada kekurangan, tidak ada chachatnya. Islam tidak menggalakkan percheraian berlaku dengan berleluasa, bahkan agama Islam menggalakkan perkongsian hidup yang berkekalan antara suami dan isteri, berdasarkan saling faham memahami, kaseh sayang dan timbang rasa, sebagai mutlamat yang perlu dichapai. Hal ini nyata terkandong dalam Quran:

"Dan sebahagian daripada ayat-ayat-Nya bahawa Ia jadikan bagi kamu, dari jenis kamu, jodoh-jodoh yang kamu bersenang-senang kapadanya, dan Ia jadikan diantara kamu perchintaan dan kaseh sayang." (Surah 30, ayat 21).

Atau pun dalam ayat yang berikut ini yang menerangkan perhubungan antara suami dan isteri:

"Mereka itu pakaian bagi kamu, dan kamu pun pakaian bagi

mereka itu."^{12.} (Surah 2, ayat 187).

Ayat yang singkat ini menerangkan bahawa laki-laki dan perempuan itu tugasnya menyempurnakan satu sama lain, oleh itu yang suatu pehak harus menerima pehak yang lain untuk kepentingan mereka bersama. Seorang suami dan seorang isteri itu diikat oleh kaseh sayang yang telah dikurniakan Tuhan kepada mereka, seperti pakaian untuk satu sama lain.

Seal perkahwinan dalam Islam itu telah menimbulkan banyak salah faham, bukan sahaja dikalangan orang-orang yang bukan Islam, malah dikalangan orang-orang Islam juga terdapat salah faham ini. Dengan membaca buku-buku yang tidak boleh dipertanggong jawabkan tentang agama Islam, iaitu buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis yang bukan beragama Islam, yang meninjau agama Islam hanya dari segi "observer's point of view" sahaja, disertai dengan salah memahamkan ayat-ayat Quran, dengan erti kata tidak mengetahui "context" ayat-ayat itu, dan keadaan dalam mana ayat-ayat itu dituturkhan, menyebabkan orang-orang yang kurang faham ini menyangka bahawa Islam membenarkan, malah menggalakkan percheraian. Hal ini sama sekali tidak boleh diterima, kerana anggapan yang bagini benar-benar terkeluar daripada maksud yang terdapat dalam agama Islam. Memang tidak boleh dinafikan bahawa undang-undang Quran membenarkan percheraian, tetapi ini semata-mata untuk menjaga keselamatan orang-orang perempuan. Perkara ini nyata diterangkan oleh Quran seperti yang terdapat

12. Lantaran perhubungan laki-laki isteri bagitu rapat, maka diumpamakan perempuan itu sebagai pakaian yang hampir kapada badan laki-laki dan laki-laki itu sebagai pakaian yang hampir kapada badan perempuan.

dalam ayat yang berikut:

"Dan apabila kamu mentalaq perempuan-perempuan, lantas (hampir) sampai tempoh (iddah) mereka, maka hendaklah kamu rojok kapada mereka dengan chara yang sopan, atau kamu lepaskan mereka dengan chara yang sopan; dan janganlah kamu rojok kapada mereka dengan maksud hendak menyusahkan mereka."
(Surah 2, ayat 231).

Sudah terang Quran membenarkan percherai tetapi ini adalah untuk menjaga keselamatan orang perempuan, dan ini tidak sama erti dengan membiarkan atau menggalakkan percherai.

Berkaitan dengan soal perhubungan antara laki isteri itu, Quran telah mengingatkan orang laki-laki supaya mengasehi orang-orang perempuan, seperti mana yang diterangkan dalam ayat ini:

"Dan bergaullah kapada mereka dengan chara yang baik, kerana sekiranya kamu tidak suka kapada mereka, harus pula sesuatu yang kamu tidak suka itu, Allah jadikan kapadanya kebaikan yang banyak." (Surah 4, ayat 19).

Berhubong dengan hal ini Nabi juga ada bersabda:

"Orang yang baik antara kamu adalah orang yang berlaku adil terhadap isterinya." 13.

Seterusnya sabda Nabi lagi:

"Jangan hendaknya orang-orang Islam berlaku kasar terhadap isterinya, kerana kalau ada aspek perangainya yang menyakitkan hati suaminya, ada pula aspek lain yang menyukakannya." 14.

13. Dipetek dari World Muslim League, hal. 8, Vol. II, No. 1, Dec. 1964.

14. Ibid.

Daripada keterangan-keterangan yang diatas ini, tidak dapat tidak boleh ditegaskan bahawa Quran dan Nabi menitik beratkan ketenteraman dalam rumah tangga, kaseh sayang antara suami isteri dan perkekalan dalam perkahwinan. Bagaimana pula dapat dikatakan Islam menggalakkan percherai?

Famili adalah unit yang utama dalam masharakat manusia, dan tapak bagi famili itu berdiri ialah perkahwinan. Sekiranya perkahwinan itu tidak tegoh, maka masharakat itu berada dalam bahaya, malah masharakat itu mungkin runtuh. Islam pada dasarnya, bertujuan mengekalkan tali perkahwinan, dan percherai itu hanya digunakan sebagai suatu daya yang terakhir, selepas semua jalan lain menjadi buntu. Pendek kata percherai itu diizinkan berlaku kalau keadaan tidak boleh dielakkan. Islam tidak menyuruh suami isteri itu bercherai, bahkan Islam tidak membenarkan percherai jika tidak dengan sebab yang kuat. Percherai itu mesti bertugas sebagai satu "remedy", bukan mengikut sesuka hawa nafsu sahaja.

Dalam membenarkan percherai ini kebijaksanaan Islam amat terbukti, kerana dengan adanya institution percherai ini maka terhindarlah akibat buruk yang mungkin berlaku kepada suami dan isteri yang hidup bersama tetapi tidak merasakan tenteram rumah tangga. Dalam keadaan yang penoh dengan tension" itu, lebih baik bercherai daripada hidup bersama sekiranya tidak ada aman damai, persefahaman antara satu sama lain. Oleh itu tidak bijak bagi orang yang tidak faham akan sikap Islam yang sebenarnya atas perkara percherai ini, menyuarakan rasa tidak puas hati mereka akan percherai dalam Islam, seperti mana yang dibuat oleh pensharah ~~yang~~ Burma itu, pada hal mereka menilik perkara ini hanya dari segi "observer's point of view" sahaja.

Islam memandang rendah, bahkan mengutuk percherai. Seperti sabda Nabi:

"Antara perkara-perkara yang diizinkan Tuhan, yang paling hina disisi-Nya ialah percherai."^{15.}

Perkahwinan itu boleh diputuskan sekiranya pemanjangan berumah tangga telah menjadi bertentangan dengan ajaran agama Islam. Andai kata kalau rumah tangga itu sudah menjadi porak peranda, jalan yang paling baik diambil ialah bercherai. Jadi percherai itu berlaku sebagai satu "valve". Seperti kata Wilson: "Percherai mengelakkan daripada timbulnya akibat yang tidak baik daripada perkahwinan yang mendatangkan sengsara sahaja."^{16.}

Walau pun Islam membenarkan berlakunya percherai, namun bagitu ada beberapa peratoran-peratoran yang dikenakan supaya dapat mengelakkan percherai yang mungkin berlaku dengan berleluasa. Salah satu daripada peratoran-peratoran yang dikenakan ialah menunggu idah. Tiap-tiap seorang perempuan yang dicheraikan dikenakan idah selama tiga kali datang darah, dan bagi orang-orang perempuan yang mengandong pula, idahnya ialah sampai ia melahirkan anak yang dikandongnya itu. Dalam tempoh idahnya itu siisteri tidak boleh bersuamikan laki-laki yang lain, dan sekiranya suaminya ingin berbalek dengan isterinya itu, bolehlah ia berbuat demikian dengan tidak payah menempoh upachara nikah sekalai lagi. Ini adalah satu "safeguard" yang baik, kerana mungkin selepas mencheraikan isterinya itu sisuami akan memikirkan halnya dan menyedari akan perbuatannya yang tergopoh-gopoh itu dan ingin semula hidup bersama dengan isterinya. Dengan adanya idah ini dapatlah ia berbuat demikian, dan seterusnya

15. Dipetek dari World Muslim League, hal.9, Vol.I, No.1, Dec. 1964.

16. Ibid.

dapatlah perkongsian hidup mereka itu berkekalan. Seperti yang terdapat dalam Quran:

"Dan suami-suami mereka ada berhak menarik kembali akan mereka didalam (masa iddah) itu, jika mereka mahu berbuat damai."
(Surah 2, ayat 228).

Ini juga membuktikan bahawa Quran mengutamakan perhubungan suami isteri yang berkekalan, dan ia memberi peluang untuk mententeramkan fikiran yang kusut. Sekiranya sudah sampai ia perempuan itu tidak juga mereka berbalek, maka ini sudah nyata membuktikan bahawa hidup sebagai suami isteri itu tidak mungkin diperaktikkan lagi.

Pada dasarnya Islam ingin satu-satu perkahwinan itu berkekalan. Suami isteri hendaklah menyelesaikan perselisihan mereka dengan chara damai. Sekiranya suami berasa churiga akan kesetiaan isterinya dan berasa bimbang kalau-kalau isterinya itu mendurhaka, maka ia harus mengambil langkah yang lain selain daripada mencheraikan isterinya itu, kerana firman Tuhan dalam Quran:

"Dan perempuan-perempuan yang kamu takut kedurhakaannya itu, hendaklah kamu nasihati mereka dan hendaklah kamu tinggalkan mereka ditempat-tempat tidor,¹⁷ dan hendaklah kamu pukul mereka."¹⁸ (Surah 4, ayat 34).

Mula-mula isteri itu harus dinasihati, kalau ia masih durhaka juga jangan tidor bersama dengannya, dan kalau ia teruskan durhakanya itu, bahafulah dipukul, itu pun dengan pukulan yang ringan.

17. yaani jangan seketidoran dengannya.

18. pukul yang diizinkan ialah pukulan yang ringan, buat menunjukkan kuasa sahaja.

Untuk mengelakkan terjadinya percherai yang terburu nafsu, Quran ada menerangkan:

" Talaq itu (hanya) dua kali, sesudah itu, (hendaklah kamu) rojok dengan chara yang sopan, atau (kamu) lepaskan (mereka) dengan chara yang baik." (Surah 2, ayat 229).

Disini maksudnya adalah bahawa talak yang membolehkan suami isteri itu hidup semula sesudah bercherai hanya dua kali. Sekiranya suami mencheraikan isterinya bagi kali yang ketiganya, maka tidak boleh ia kembali lagi kepada isterinya itu, melainkan sesudah isterinya itu berkahwin dengan orang lain dan orang itu pula kebetulannya mencheraikannya. Seterusnya siisteri itu mesti menempoh idahnya yang baharu. Ini bermazhab suaminya akan berfikir lebih panjang lagi sebelum mencheraikan isterinya bagi kali yang ketiganya.

Untuk menjaga ketenteraman rumah tangga, mestilah ada seorang yang mengelakkan hal rumah tangga itu; dan agama Islam menerima kuasa suami terhadap isterinya dan terhadap rumah tangganya. Keistimewaan yang dikurniakan kepada pehak suami itu adalah berdasarkan kapada kekuatannya, kebolehannya untuk menchari nafkah, serta tanggong jawabnya terhadap isterinya. Seperti yang terdapat dalam Quran:

" laki-laki itu pengurus atas perempuan-perempuan, lantaran Allah telah lebaskan sebahagian dari mereka atas sebahagian^{19.} dan dengan sebab (nafkah) yang mereka belanjakan dari harta-harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang baik itu

19. Yaani lantaran Allah telah lebaskan laki-laki daripada perempuan didalam beberapa hal; kekuatan, keberanian, keteguhan hati, dsb.

ialah yang taat, yang memelihara (perkara-perkara) yang tersembunyi dengan chara yang dipeliharakan oleh Allah." ^{20.}
(Surah 4, ayat 34.)

Ini menunjukkan kuasa laki-laki atas perempuan, dan oleh kerana adanya kuasa ini maka seorang suami itu ada berhak mencheraikan isterinya sekiranya isteri itu melanggar kata suaminya. Hal ini telah memberi peluang kapada pengeritik-pengeritik yang mengatakan undang-undang Islam memberi kuasa pench kapada suami dalam soal percherai. Tetapi kuasa suami dalam hal itu terbatas oleh beberapa sharat-sharat. Mithalnya percherai itu dibenarkan dan mestilah dilakukan hanya sebagai ikhtiar yang terakhir.

Selain daripada sharat mengenakan idah, percherai dengan tidak mempunyai alasan yang kuat yang dibuat oleh suami itu adalah melanggar hukum Islam. Seterusnya, kalau sekiranya berlaku perbalahan antara suami dan isteri, segala ikhtiar hendak dijalankan untuk mengendorkan suasana yang tegang dan untuk mendapatkan penyelesaian. Quran ada menchadang diadakan dua orang hakim seperti mana yang diterangkan dalam ayat yang berikut:

"Jika kamu takut perselisihan antara mereka berdua, maka hendaklah kamu adakan seorang hakim dari ahlinya (laki-laki) dan seorang hakim dari ahlinya (perempuan). Jika mereka ini berdua memikirkan perdamaian, naschaya Allah akan memberi taufik diantara dua (suami isteri itu)." (Surah 4, ayat 35).

20. yaitu memelihara kehormatannya, kehormatan suaminya, rahsia suaminya, rahsia keluarga suaminya, rahsia rumah tangga dengan chara yang diajarkan atau diwajibkan oleh Tuhan.

Sharat yang seterusnya yang dikenakan ialah dalam melafazkan talak suami mesti membuatnya dalam keadaan yang tenang dan dengan perasaan yang jujor. Sekiranya suami itu melafazkan talak itu dengan tidak bersunggoh-sunggoh, maka talaknya tidak akan diterima. Seperti sabda Nabi:

"perbuatan akan ditentukan hanya dengan niat." 21.

Akhirnya sharat yang dikenakan kepada suami yang mencheraikan isterinya itu ialah suami itu mesti menanggong nafkah isterinya semasa dalam idah.

Jadi dengan adanya sharat-sharat yang dikenakan kepada orang laki-laki itu, maka nyatahah bahawa sunggoh pun dalam teorinya suami itu berkuasa atas isterinya dalam hal percheraihan, namun seorang suami yang bertanggong jawab tidak mungkin mencheraikan isterinya dengan sesuka hatinya sahaja, ia mesti berfikir habis-habisan.

Seperti yang telah saya kemukakan, percheraihan itu adalah suatu langkah untuk menjaga keselamatan orang-orang perempuan. Oleh itu ada terdapat dalam undang-undang Islam yang membolehkan isteri meminta cherai daripada suaminya, sekiranya suaminya itu tidak bersikap adil terhadap isterinya, itu suka menyusahkan isterinya, tetapi disamping itu enggan pula mencheraikan isterinya. Untuk menyelamatkan perempuan itu daripada chengkaman suaminya yang tidak bertanggong jawab itu, Islam mbenarkan isteri meminta cherai.

Percheraihan yang dihasilkan oleh permintaan isteri itu dinamakan fasah. Erti fasah ini ialah merojok kapada kuasa Qadhi, bagi

21. Dipetek dari World Muslim League, Vol.II, No.1, Dec. 1964.

memutuskan suatu perkahwinan atas permintaan isteri. Undang-undang fasah ini timbul berdasarkan atas firman Tuhan:

"Jika kamu takut perselisihan antara mereka berdua, maka hendaklah kamu adakan seorang hakim dari ahlinya (laki-laki) dan seorang hakim dari ahlinya (perempuan). Jika mereka ini berdua mahu memberikan perdamaian, naschaya Allah akan beri taufik diantara dua (suami isteri) itu." (Surah 4, ayat 35).

Dalam soal fasah ini Qadhilah yang berkuasa memberi keputusan. Apabila datang aduan daripada isteri akan perbuatan suaminya yang kejam, maka Qadhi akan melantek dua orang hakim, seorang dari pihak laki-laki dan seorang dari pihak perempuan, dengan tujuan untuk mendapatkan perdamaian. Sekiranya tidak tercapai perdamaian, maka Qadhi berkuasa menjatuhkan talak.

Ada beberapa sebab seseorang isteri itu boleh meminta cerai. Antara lain ialah sekiranya suami meninggalkan isterinya dengan tiada memberi nafkah; bila ia memaksa isterinya melakukan satu-satu pekerjaan yang tidak setaraf dengan kedudukan isterinya itu; bila suami mempunyai beberapa orang isteri dan tidak berlaku adil kapada mereka; dan bila ia sentiasa menyeksakan isterinya.

Keterangan yang diatas ini adalah mengenai percerahan dari segi agama Islam. Konsep percerahan ini adalah menggambarkan suatu konsep yang "ideal". Tetapi dalam peraktiknya tidak mungkin dituruti konsep yang "ideal" ini dengan erti kata yang sebenarnya, dan banyak sungguh percerahan yang berlaku yang tidak selari dengan ajaran Islam. Oleh itu saya rasa perlu ditinjau soal percerahan ini dari segi lain juga. Yang saya maksudkan disini ialah dari segi social.

Percheraian dari segi masharakat.

Walau pun hampir semua masharakat mengiktiraf percheraian, tetapi pada dasarnya tidak ada satu masharakat pun yang menggalakkannya. Perkahwinan yang "ideal" adalah suatu perkahwinan yang mana suami isteri itu hidup aman damai hingga keanak chuchu. Percheraian itu dipandang sebagai suatu tindakan yang tidak dapat dielakkan.

Saya telah menerangkan percheraian dari segi agama Islam, setakat mana Islam membenarkan percheraian itu dan apa-apa "safeguard" yang dikenakan untuk mengekalkan perkahwinan. Namun bagitu banyak percheraian yang berlaku, dan soal ini saya yakin harus diperhatikan dari segi socialnya pula. Saya fikir tidak semua percheraian itu buruk dan membawa akibat yang buruk; ada juga percheraian yang mendatangkan munafaat bagi kedua pehak yang berkenaan, sebagai "a blessing in disguise", walau pun kadang-kadang ianya berlaku dengan tidak mematohi ajaran agama Islam, dengan erti kata yang sebenarnya.

Apakah yang menyebabkan banyak percheraian berlaku dalam masharakat Melayu? Jika diambil masharakat Melayu secara keseluruhannya, saya rasa ada beberapa faktor yang menyebabkan percheraian itu.

Percheraian terjadi oleh kerana suami mempunyai lebih dari seorang isteri, dan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang sempit, suami tidak dapat menyempurnakan kewajipannya. Apabila suami itu terasa akan keadaannya itu menjadi terdesak, ia mungkin mencheraikan salah seorang daripada isterinya itu. Hal seperti ini tidak menghairankan kerana sudah menjadi kebiasaan bagi orang Melayu berkahwin lebih dari satu, dan percheraian yang berlaku disebabkan oleh berkahwin banyak itu juga adalah satu perkara yang biasa.

Percheraian juga diakibatkan oleh sifat suami yang suka berjudi, "gila perempuan", pembengis dan seumpamanya. Sekiranya terdapat isterinya chuba menentang perbuatan suaminya itu, mungkin berlaku percheraian. Suami dipandang sebagai berkuasa atas isterinya yang tidak harus membantah suaminya itu. Hal ini lebih terdapat pada masharakat kampong sementara masharakat bandar tidak lagi berpegang dengan sikap bagini.

Ada juga faktor-faktor yang lain yang menyebabkan percheraian, seperti pengaruh bandar, isteri tidak jujor dan seterusnya. Percheraian-percheraian yang berlaku itu banyak dipengaruhi oleh sikap masharakat terhadap perkara itu, walau pun sikap itu tidak selari dengan ajaran Islam. Sikap masharakat itu juga yang menyebabkan mengapa disetengah masharakat Melayu percheraian lebih banyak atau kurang daripada masharakat Melayu yang lain. Bagi tiap-tiap kampung dalam jangka waktu yang tertentu dapat membandingkan kampung mana yang mempunyai percheraian yang tertinggi dan yang mana yang paling rendah.

Dalam jumlah masa satu tahun keseluruhan ini, peratus percheraian yang berlaku bagi kelompok-kelompok yang dibagi, menunjukkan ada perbedaan, diitu yang paling rendah, 7.1 % bagi kampung Selatong Besar, hingga 38.8% bagi kampung Batang Tiga. Daripada peratus percheraian ini, nilai rapsodik dengan sepihak laju meningkat, dengan dipertimbangkan aliran orang-orang, di dalam kelompok-kelompok itu terhadap soal percheraian. Angka-angka diatas menunjukkan bahawa percheraian yang paling berkesalan ialah bagi kampung Selatong Besar, sebaliknya yang paling tinggi peratus percheraianya adalah bagi kampung Batang Tiga. Jumlah

BAB KEEMPAT.

PERCHERAIAN YANG BERLAKU DIMUKIM-MUKIM YANG DISELIDIKI.

Untuk mengkaji soal percheraian bagi kampong-kampong didalam kedua-dua buah mukim itu, saya telah menumpukan perhatian saya pada enam tahun kebelakangan ini, iaitu dari tahun 1959 hingga tahun 1965. Saya yakin dengan menghadkan pengkajian saya pada waktu yang tertentu, saya akan dapat mengemukakan suatu gambaran yang lebih nyata dan lebih memberi maana daripada mengambil jangka waktu yang panjang. Ini adalah kerana kita dapat mengetahui dengan pastinya berapa banyak perkahwinan yang telah berlaku antara tahun 1959 hingga tahun 1965 dimukim-mukim yang berkenaan dan kita tahu pula berapa banyak percheraian yang telah berlaku daripada jumlah perkahwinan itu. Dengan berbuat demikian kita dapat mengira peratus percheraian bagi tiap-tiap kampong dalam jangka waktu yang tertentu dan dapat membandingkan kampong yang mana yang mempunyai percheraian yang tertinggi dan yang mana yang paling rendah.

Dalam jangka masa enam tahun kebelakangan ini, peratus percheraian yang terdapat bagi kampong-kampong yang dikaji, menunjukkan ada perbedaan, iaitu yang paling rendah, 7.1% bagi kampong Kelebang Besar, hingga ke 30.8% bagi kampong Batang Tiga. Daripada peratus percheraian ini, kalau dipandang dengan sepintas lalu sahaja, dapat diperhatikan sikap orang-orang didalam kampong-kampong itu terhadap soal percheraian. Angka-angka diatas menunjukkan bahawa perkahwinan yang paling berkekalan ialah bagi kampong Kelebang Besar, sementara yang paling tinggi peratus percheraiannya adalah bagi kampong Batang Tiga. Jumlah

percheraian bagi kesemua kampong itu ialah 25 daripada 168 perkahwinan, iaitu 14.9%. Namun bagitu dengan memandangkan angka peratus percheraian ini sahaja tidaklah menjadi suatu asas bagi kita untuk mengambil keputusan membuat kesimpulan bahawa orang-orang dikampong Batang Tiga tidak mengambil berat terhadap soal percheraian. Yang lebih penting yang harus diselidiki, saya rasa, adalah sebab-sebab yang mendorong percheraian itu. Sebab-sebab ini akan menggambarkan keadaan yang sebenarnya.

Sekiranya dipecahkan angka percheraian itu kepada angka bagi tiap-tiap kampong, terdapat seperti berikut:²²

Kampong	Berkahwin	Bercheraian	% bercheraian
Kelebang Besar	42	3	7.1
Batang Tiga	13	4	30.8
Pokok Asam	12	2	16.7
Bukit Rambai	18	2	11.1
Paya Mengkuang	83	14	16.8
	168	25	14.8

Mengapa peratus percheraian berbeza.

Apakah sebab-sebabnya yang menimbulkan perbezaan dalam peratus percheraian antara kampong-kampong itu? Adakah faktor-faktor yang tertentu yang memainkan peranannya? Untuk mendapatkan jawapan perlu dibincangkan faktor-faktor yang difikirkan berpengaruh.

Dekat dengan bandar. Mungkin juga pengaruh bandar dengan tempat-tempat hiborannya seperti wayang gambar, taman hiborannya dan

22. Angka-angka ini diperolehi dari Imam-imam bagi kampong-kampong yang berkenaan.

seumpamanya, sudah melalaikan suami daripada tanggong jawabnya terhadap rumah tangga. Faktor ini tidak boleh diterima kerana antara kampong-kampong didalam mukim-mukim yang berkenaan, kampong Kelebang Besarlah yang paling berhampiran dengan bandar, dan kampong Kelebang Besar ini juga yang mempunyai peratus percheraian yang paling rendah sekali, iaitu 7.1%.

Pekerjaan. Pekerjaan orang-orang yang bercherai juga tidak dapat diterima sebagai suatu penentuan, kerana orang-orang dikampong Batang Tiga, dimana terdapatnya peratus percheraian yang paling tinggi, adalah bekerja sebagai nelayan. Tetapi orang-orang dikampong Kelebang Besar juga kerjanya sebagai nelayan. Dari segi pekerjaan ini yang boleh dikemukakan hanyalah orang-orang yang bercherai itu terdiri dari orang-orang yang bekerja kampong, dan tidak orang yang makan gaji.

Umor. Dari segi umor juga tidak dapat penentuan yang pasti kerana mereka yang dikaji itu adalah orang-orang muda, yaani percheraian yang berlaku adalah dikalangan orang muda, dalam lingkungan 30 tahun. Ada juga diantara mereka yang mempunyai anak.

"Vices". Dari segi "vices" pula seperti peminum, kaki judi, jahat perempuan dan sebagainya, sehingga meninggalkan rumah tangga, tidak terdapat dikampong Batang Tiga.

Pada pandangan saya tingginya peratus percheraian bagi kampong Batang Tiga tidak memberi gambaran yang tepat, kerana daripada empat percheraian itu, dua daripadanya adalah disebabkan oleh fasah oleh kerana suami tidak siuan. Sebab ini tidak seharusnya diambil berat kerana kalau sekiranya mereka berdua itu siuan, mungkin tidak berlaku percheraian.

Ini bererti mungkin ada dua percheraihan sahaja. Kalau berpandukan dua percheraihan sahaja, kita dapati 15.4 %, iaitu hampir sama dengan angka-angka bagi kampong-kampong yang lain. Dengan itu saya rasa tidak ada sebab-sebab yang tertentu yang boleh diambil sebagai ukuran berlakunya percheraihan pada kampong yang tertentu, kerana bagi satu-satu sebab yang dikemukakan terdapat pada beberapa buah kampong. Tentang sikap juga tidak boleh dijadikan satu penentuan, kerana sikap orang-orang terhadap soal percheraihan itu sama sahaja bagi penduduk kedua-dua buah mukim itu.

Sebab-sebabnya berlakunya percheraihan.

Hasil daripada temuramah saya dengan imam-imam kampong berkenaan dengan sebab-sebab berlakunya percheraihan dikampong-kampong itu dapatlah saya merumuskan bahawa ada sebelas sebab-sebab kesemuanya. Sebab-sebab itu adalah seperti berikut:-

<u>Sebab</u>	<u>Angka.</u>
1. <u>Suami beristeri lebih daripada satu.</u>	
Kampong Paya Mengkuang	2
2. <u>Suami meninggalkan sahaja suaminya.</u>	
Kampong Paya Mengkuang	1
3. <u>Tidak ada persetujuan antara suami isteri.</u>	
Kampong Batang Tiga	1
Kampong Bukit Rambai	1
Kampong Paya Mengkuang	6

23. Angka-angka ini diperolehi daripada imam-imam kampong.

Kampong	Sebab	Angka.
	Kampong Kelebang Besar	1
	Kampong Pokok Asam	2
	Jumlah	11
	4. Suami tidak siuman.	
	Kampong Batang Tiga	2
	Kampong Paya Mengkuang	1
	Jumlah	3
	5. Isteri tidak sukaan suami.	
	Kampong Paya Mengkuang	1
	6. Suami tidak sukaan isteri.	
	Kampong Paya Mengkuang	1
	7. Suami menveksakan isteri.	
	Kampong Paya Mengkuang	1
	8. Isteri tidak taat pada suami.	
	Kampong Bukit Rambai	1
	9. Isteri "rosak".	
	Kampong Batang Tiga.	1
	10. Isteri chemburu.	
	Kampong Kelebang Besar	1
	11. Isteri enggan mengikut suami.	
	Kampong Kelebang Besar	1
	Kampong Paya Mengkuang	1
	Jumlah	2

Jumlah angka percheraian dalam enam tahun kebelakangan ini ialah 25, dan seperti yang telah dikemukakan telah disebabkan oleh sebelas perkara. Berdasarkan angka-angka yang diperolehi itu, didapati sebab yang paling berpengaruh bagi mukim-mukim yang berkenaan ialah sebab tidak ada persefahaman antara suami dan isteri. Ada sebelas percheraian yang berlaku oleh kerana tidak ada kata sepakat dalam rumah tangga. Tetapi suatu persoalan besar yang mungkin dikemukakan terhadap soal ini ialah: "Adakah perselisihan antara suami dan isteri itu sebegini besar sehingga tidak dapat diikhtiarkan untuk menchapai persetujuan, atau adakah perselisihan itu hanya perselisihan yang kecil tetapi dibesar-besarkan sahaja?" Saya tidak bermohon menjawab pertanyaan ini kerana saya rasa lebih baik saya memberikan gambaran apa yang berlaku sebenarnya, dan akan memberi ulasan saya dalam bab yang berikut. Oleh yang demikian saya akan menghuraikan kesebelas sebab-sebab itu satu persatu.

Sebab yang pertama ialah suami beristeri lebih daripada satu. Sebab ini telah menamatkan riwayat hidup dua rumah tangga. Orang yang beristeri lebih dari satu itu tidak mempunyai pendapatan yang lumayan, kedua-duanya adalah bekerja kampong serta mengambil upah, dan seperti juga orang-orang yang bekernya seperti mereka, keadaan ekonomi mereka merupakan serba kekurangan. Pendek kata untuk menanggong seorang isteri pun susah malahan pula dua orang isteri. Oleh itu salah seorang daripada isteri itu terpaksa diheraikan.

Suami tinggalkan sahaja isterinya itu menjadi sebab yang kedua. Selepas berkahwin beberapa bulan sahaja, suami mula tidak indahkan

isterinya. Setelah meninggalkan isterinya beberapa lama dengan tidak memberi nafkah, ia mencheraikan isterinya itu.

Seterusnya terdapat pula sebab yang paling berpengaruh, iaitu tidak ada persetujuan antara suami dan isteri. Sebab tidak ada persetujuan ini luas, meliputi hal-hal seperti isteri tidak pandai memasak yang menyebabkan suami bertindak keras. Selain daripada itu saya dapati suami tidak pulangkan wang kapada isteri, ia menghabiskan wangnya itu dengan berjudi. Ada beberapa orang isteri yang dibawa oleh suami mereka tinggal dirumah mertua. Sering ibu mertua masuk champor apabila ada pertengkaran antara suami isteri itu dan menyalahkan isteri itu sahaja; ada pula ibu mertua yang sengaja menchari-chari kesalahan menantu mereka itu. Semuanya itu telah menyebabkan percheraihan.

Ada tiga suami yang tidak siumam selepas berkahwin. Ketigatiga suami itu dihantar kerumah sakit gila untuk dirawati. Semasa mereka berada dirumah sakit, isteri-isteri mereka telah mengambil fasah.

Isteri tidak sukakan suami adalah sebab yang berikut. Isteri itu mengambil sikap achoh tidak achoh terhadap suaminya. Oleh kerana tidak tertahan sabarnya lagi, suami itu telah mencheraikan isterinya.

Susuami itu dipaksa oleh saudara maranya berkahwin dengan isterinya itu walau pun ia tidak suka. Ia telah memenangi kehendak mereka itu dan sesudah berkahwin ia talakkan isterinya.

Seorang suami telah menyeksakan isterinya semasa isterinya berada bersama dengan ^{"nya"} diluar kampong. Oleh kerana tidak tertahan lagi

akan perbuatan suaminya itu ia telah lari balek dan seterusnya suaminya telah mencheraikan dia.

Yang dimaksudkan isteri tidak taat pada suami itu ialah ia tidak mahu mengikut suaminya apabila suaminya mengajaknya berpindah dari rumah ibunya. Yang sebenarnya ibunya telah menghasudnya supaya jangan ikut suaminya itu, dan ibunya tidak sukakan menantunya. Oleh itu suaminya telah mengambil tindakan mencheraikannya.

Isteri "rosak" itu maksudnya ialah isteri itu tidak lagi mempunyai "dara" semasa berkahwin dengan suaminya. Sudah menjadi satu kebiasaan, walau pun sekarang kebiasaan ini telah berkurang, apabila seseorang itu berkahwin dengan "anak dara" dia mesti memereksa bahawa yang ^{nya} dara benar-benar ^{dara}, sekiranya tidak akan dicherainya. Baginilah halnya yang berlaku pada satu pasangan ditempat yang dikaji.

Isteri chemburu adalah sebab yang sering berlaku yang mengakibat perpecahan rumah tangga. Isteri yang dimaksudkan tidak benarkan suaminya berjalan-jalan, walau pun dengan sahabat laki-laki. Ia panjangkan muka sekiranya suaminya balek lambat, dan kalau suaminya berchakap dengan orang perempuan sama ada orang itu bersaudara dengan lakinya, sudah tentu menjadi "perang besar".

Sebab yang terakhir sekali ialah isteri enggan mengikut suami. Seperti juga sebab isteri tidak taat pada suami, dalam hal ini ibu isteri yang memainkan peranan besar, dengan menghasud anaknya supaya jangan melayangkan suaminya. Oleh kerana mendengarkan chakap ibunya, isteri itu pun tidak menghiraukan suaminya.

Akibat-akibat yang timbul daripada percheraian itu.

Percheraian adalah suatu masaalah masyarakat (social problem) dan menimbulkan akibat yang tertentu bagi pihak yang berkenaan. Harus diingat bahawa percheraian itu tidak semestinya menimbulkan akibat yang buruk sahaja, kerana ada juga percheraian yang mendatangkan kebahagiaan. Tetapi pada keselurohannya kesulitan dan kesengsaraanlah yang berlaku, dan biasanya pihak perempuanlah yang terlibat. Akibat-akibat ini boleh ditinjau dari beberapa aspek:

Aspek ekonomi. Dari aspek ekonominya, isteri yang dicheraikan itu mula bergantong kepada ibu bapa atau saudara maranya. Oleh kerana berlakunya satu-satu percheraian itu, sudah menjadi tanggung jawab ibu bapa mengambil balek anak perempuannya, dan sekiranya perempuan itu tidak mempunyai ibu bapa, maka ia mesti diambil balek oleh saudara maranya. Ini bermaana menambahkan beban kepada ibu bapa atau saudara mare yang serba miskin itu. Biasanya isteri yang dicheraikan oleh suaminya itu membawa bersama-sama anak-anaknya sendiri, kerana sudah menjadi kebiasaan dikampung-kampung ini apabila berlaku suatu percheraian, anak diambil oleh ibunya. Yang mengechiwakan ialah sesudah mencheraikan isterinya itu, pihak suami tidak mengambil tahu tentang hal anak-anaknya. Mereka tidak hiraukan sama ada anak mereka itu makan atau tidak, berpakaian atau tidak dan tidak mengambil paduli sama ada anak-anak itu bersekolah atau tidak. Semuanya terserahlah pada orang yang menjadi penjaga anak-anak itu.

Segi persaudaraan. Suatu lagi akibat yang timbul ialah putusnya tali persaudaraan. Percheraian ertinya putus sudah tali perkongsian antara suami dan isteri dan sudah tentu menimbulkan permusuhan antara suami dan isteri itu. Seterusnya timbul pula perselisihan antara pihak suami dan

pihak perempuan. Sayugia difahamkan bahawa ramai daripada penduduk kampong-kampong tersebut ada perhubungan kekeluargaan, dan tidak kurang pula berlaku perkahwinan antara saudara. Apabila berlaku percherai, bermaanalah berlaku permusohan antara saudara sama saudara.

Anggapan masharakat. Apabila berlaku satu percherai, mulalah terdengar desas desus yang kurang menyenangkan terhadap orang yang bercherai, iaitu bagi pihak perempuan. Masharakat pula mengambil kesempatan membinchangkan sebab-sebab terjadinya percherai itu. Sekiranya isteri itu dicheraikan kerana ia telah "rosak", yaani perempuan itu tidak mempunyai "dara" semasa ia berkahwin, masharakat akan memandang rendah bukan sahaja pada perempuan itu, malah ayahnya pun akan dichachi, kononnya tidak tahu menjaga anak.

Masharakat sering menchari peluang melemparkan pandangan-pandangan yang kurang manis kepada orang perempuan yang bercherai.

Bagi pihak laki-laki pula tidak sangat dihiraukan. Walau pun suami yang mencheraikan isteri itu beristeri lebih dari satu, hal itu tidak dikutok. Sebaleknya perempuan yang sudah menjadi janda, tidak bagitu dihormat oleh masharakat, seperti: "Ah, itu janda siAnu", dan tidak kurang pula anak muda yang suka "mengusek" janda.

Jadi akibat buruk percherai itu terutama sekali nyata bagi kaum perempuan.

BAB KELIMA.

PENUTUP.

Tinjauan saya tentang perkahwinan dan percheraian bagi mukim Kelebang Besar dan mukim Bukit Rambai.

Dalam bahagian yang terakhir ini saya akan memberikan pendapat saya terhadap upachara perkahwinan yang berlaku dimukim-mukim yang berkenaan dan akan menganalisa pula sebab-sebab yang mengakibatkan percheraian. Saya sedar apa yang dikemukakan ini semata-mata pendapat saya sendiri dan didorong oleh nilai saya sendiri.

Ulasan saya tentang upachara perkahwinan.

Memang tidak dapat disangkal bahawa perkahwinan itu merupakan suatu upachara yang meriah, dan sebagai suatu upachara yang meriah sepatutnya disambut dengan chara yang penoh dengan kegembiraan. Sudah menjadi suatu kebiasaan bukan hanya dikalangan masyarakat Melgyu, bahkan dikalangan masyarakat apa bangsa sekali pun, menyambut suatu perkahwinan itu dengan menjemput dan menjamu saudara mara, sahabat handai dan jiran kenalan. Bagitulah juga halnya dengan upachara perkahwinan dikampung-kampong yang saya kaji.

Saya kira memang sudah kena pada tempatnya diadakan upachara yang meriah, tetapi dalam pandangan saya upachara perkahwinan chara besar-besaran seperti mana yang terdapat dikampung-kampong yang berkenaan, adalah tidak sepadan dengan keadaan ekonomi orang-orang kampong tersebut. Adakanlah majlis besar-besaran kalau sekiranya mempunyai kemampuan, tetapi

kalau keadaan hidup tidak ubah seperti ayam kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, tidak ada faedahnya bersusah payah mengadakan majlis besar-besaran yang kemudiannya kelak hanya mendatangkan beban yang berat kepada yang mengadakan majlis itu.

Seperti yang telah diterangkan dalam bab pertama, kira-kira 90% daripada penduduk-penduduk dikedua-dua buah mukim itu bekerja sendiri, sama ada bekerja menangkap ikan, bekerja menoreh getah, atau bekerja kampong serta mengambil upah. Pendapatan orang-orang itu pada keselurohannya tidak sampai \$100/ sebulan.

Mengadakan suatu upacara perkahwinan yang sederhana besarnya dengan beberapa jenis kueh mueh, dengan nasi minyaknya serta dengan gulai yang enak-enak belaka, kadang-kadang dengan memotong seekor kerbau atau seekor lembu, akan menelan belanja kurang lebh \$1,000/. Sedangkan perbelanjaan bagi suatu istiadat perkahwinan yang kecil sahaja akan memakan belanja setidak-tidaknya \$450/. Kalau diperhitungkan pendapatan yang tidak pun sampai \$100/ sebulan itu, hampir tidak mungkin mengadakan wang yang sebeginu banyak dengan chara menyimpan. Sekiranya tidak ada wang yang disimpan, akan dijualkan seekor kerbau atau lembu kalau ada mempunyai peliharaan, dan kalau tidak akan meminjam atau bergadai. Kalau ada pula barang-barang yang digadaikan, sukar pula barang-barang itu dapat ditebus, harus pula barang-barang itu akan hilang bagitu sahaja. Dan kalau meminjam, biasanya dengan Chiti, dengan membayar bunga yang tinggi kadang-kadang bunga yang dikenakan itu setinggi 100%.²⁴ Ini akan

24. Ada seorang yang meminjam \$1,000/ dari seorang Chiti. Ia kena "menikat janji" membayar \$2,000/ iaitu termasuk faedah. Ini dapat mengelirukan kerajaan daripada mengetahui berapa faedah yang dikenakan. Faedah yang rendah yang dibenarkan sudah menjadi 100%.

menimbulkan suatu beban yang besar bagi orang-orang yang meminjam.

Dasar orang-orang kampong itu adalah hendak "menunjokkan" kepada orang ramai, tidak mahu kalah pada orang lain."Kalau si Anu boleh mengadakan jamuan yang besar, aku pun boleh juga." Sikap suka berlawan dan bermegah-megah itu saya rasa baik dihapuskan kerana sering mendatangkan kesulitan pada orang yang berkenaan. Dalam hal ini saya sedar yang saya telah membuat suatu "value judgement" dari segi "observer's point of view" sahaja, yang sukar boleh diterima, kerana satu-satu nilai itu terpulanglah pada masing-masing orang untuk menimbangkannya. Namun bagitu mendengarkan keloh kesah yang selalu disuarakan oleh orang-orang yang baharu mengadakan upachara perkahwinan yang besar-besaran akan beban yang dipikulnya, saya yakin bahawa "value judgement" saya itu memang sudah kena pada tempatnya.

Dalam upachara perkahwinan itu apa yang diwajibkan ialah upachara nikah; jamuan serta upachara-upachara yang lain tidak menjadi soal. Tetapi sebagai suatu kebiasaan jamuan harus diadakan. Hidup dalam masyarakat dipandu oleh nilai-nilai serta norma-norma masyarakat itu. Kalau sudah menjadi suatu "adat" dalam masyarakat itu untuk mengadakan jamuan dalam suatu perkahwinan, adakanlah jamuan, tetapi biarlah mengikut kesanggupan sendiri, yaani adakanlah jamuan secara sederhana sahaja.

Saya fikir suatu langkah yang baik yang telah diambil oleh lembaga kampong bagi kampong Bukit Rambai ialah dengan mengishtiharkan kapada orang-orang kampong itu tidak perlu dihidangkan kueh mueh dalam suatu upachara perkahwinan. Saya berharap langkah yang baik ini akan dijadikan pedoman oleh lembaga-lembaga kampong yang lain.

Percheraian yang berlaku dalam masharakat Melayu. Dengan percheraian itu maka tamatlah suatu perkongsian hidup yang diiktiraf oleh masharakat antara dua jenis makhluk manusia yang pada mulanya disimpul erat oleh perasaan kaseh sayang dan penoh kemesraan. Perhubungan yang pada masa persandingannya menggambarkan rasa kegembiraan dengan senyum kelom oleh kedua pengantin, dan yang didoakan semoga kekal dan bahagia, rupa-rupanya patah dipertangahan jalan. Inilah akibat percheraian yang menukar suasana suka menjadi suasana duka, dan yang mendatangkan penderitaan bagi pihak yang berkenaan terutama pihak perempuan, dan yang menyebabkan terjadi seteru antara saudara dengan saudara dan antara sahabat dengan sahabat.

Percheraian itu adalah suatu perkara yang tidak diingini oleh masharakat oleh kerana mungkin akibat burok yang didatangkannya; suatu perkara yang dikutok oleh agama Islam kalau tidak dianggap sebagai suatu daya usaha yang terakhir. Namun bagitu banyak sekali terdapat percheraian dalam masharakat Melayu, peratus percheraian amat tinggi, amat menyedihkan. Oleh kerana tingginya peratus percheraian dalam masharakat Melayu itu, telah memberi peluang pula kapada orang-orang seperti pensharah Burma itu, untuk menyalahkan undang-undang Islam. Akan tetapi seperti mana yang telah saya kemukakan, undang-undang percheraian Islam sudah lengkap, penoh dengan kebijaksanaannya. Yang tidak bijak ialah orang yang salah mengintepretasikannya, mereka yang jahil. Memang tidak dapat disangkal bahawa Islam membenarkan percheraian, tetapi Islam membenarkannya untuk menjaga keselamatan kaum perempuan, untuk menghindarkan daripada berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini

yang bertentang dengan ajaran Islam, seperti menyeksakan isteri. Tetapi kalau dikaji percherai yang terdapat dikalangan masyarakat Melayu, sebahagian besar daripada sebab-sebab yang mendatangkan percherai itu amat tipis kalau ditinjau dari segi agama, walau pun dari segi socialnya tindakan mereka mungkin dipertahankan.

Bagi saya kalau boleh biarlah percherai itu paling sedikit berlaku. Ramai diantara orang-orang Melayu yang tidak keberatan mencheraikan isteri-isteri mereka, seolah-olah percherai itu adalah suatu perkara yang ringan sahaja, yang boleh dilakukan sesuka hati sahaja. Mereka menganggapdiri mereka tidak bersalah berbuat demikian kerana Quran mbenarkan percherai. Tetapi apa yang kurang mereka fahamkan ialah bahawa perlakuan mereka mencheraikan isteri-isteri mereka itu tidak selari dengan ajaran Islam. Kalau dihalusi sebab-sebab percherai yang dibenarkan oleh Islam dan sebab-sebab yang masyarakat Melayu mencheraikan isteri mereka, nyatah ada banyak perbedaan. Islam mengatakan percherai itu sebagai suatu "valve", sebagai suatu "safeguard", sebagai suatu yang tidak dapat dielakkan; tetapi sebab-sebab berlaku percherai dikalangan masyarakat Melayu terdapat seperti isteri tidak pandai memasak atau isteri chemburu. Perkara-perkara itu mudah sekali diatasi kalau mahu. Nyatah banyak daripada sebab-sebab percherai dalam masyarakat Melayu itu tidak sejajar dengan konsep percherai yang diterangkan oleh Quran.

Ulasan saya tentang percherai dalam kawasan yang diselidiki.

Telah diterangkan bahawa 25 perdherai yang berlaku dalam enam tahun kebelakangan ini dan disebabkan oleh 11 perkara-perkara. Pada

pendapat saya daripada sebab-sebab itu kalau dilihat dari segi agama, hampir semuanya tidak memenuhi sharat-sharat yang dikemukakan oleh agama Islam, kechua li perempuan-perempuan yang mengambil fasah disebabkan suami mereka tidak siuman. Sebab-sebab yang lain saya fikir boleh diatasi kalau sekiranya benar-benar ada keinginan berbuat demikian oleh kedua-dua pihak. Sekiranya tidak mampu dan tidak boleh berlaku adil kalau beristeri lebih dari satu, maka seorang itu tidak seharusnya berkahwin lebih dari satu. Bagitu juga kalau sudah berkahwin, suami itu mesti mempunyai sikap bertanggong jawab; ini adalah satu kewajipan baginya. Tentang tidak ada persetujuan, semua perkara-perkara yang menyebabkan tidak adanya persetujuan itu, boleh diatasi. Bagitu juga sebab-sebab yang lain semuanya tidak ada menunjukkan langkah yang terakhir yang telah dichapai. Pendek kata dari segi agama, sebab-sebab percherai itu tidak melaksanakan ajaran agama Islam.

Dari segi socialnya pula, saya rasa walau pun banyak daripada sebab-sebab berlakunya percherai itu dapat dipertahankan untuk kepentingan kedua-dua belah pihak, namun sebab-sebab seperti suami tinggalkan sahaja isterinya menampakkan sikap tidak bertanggong jawab. Dari segi social ini kita lihat kaum perempuanlah yang lebih merasakan akibat buruk dan mendatangkan beban kapada orang-orang yang terpaksa menanggung mereka yang bercherai.

Lain-lain sebab yang mengakibatkan percherai.

Sebelas sebab-sebab yang dikemukakan diatas ini adalah sebab-sebab yang tertentu, yang mengenai kampong-kampong dalam mukim Kelebang Besar dan mukim Bukit Ramabi. Disamping sebelas sebab-sebab ini ada banyak

lagi sebab-sebab yang mengakibatkan berlakunya perchoraian dikalangan masyarakat Melayu keseluruhannya. Antara lain, suami mungkin mencheraikan isteri dengan sebab:^{25.}

1. Isteri sering meninggalkan rumahnya balek kerumah ibunya beberapa lama.
2. Isteri mahukan suaminya tinggal dirumah ibunya dan menchari kerja dikampungnya.
3. Isteri itu kurang sopan santun, suka berjalan-jalan dan berbual-bual dengan orang laki-laki.
4. Isteri tidak pandai menjaga rumah tangga, selalu sahaja meminta wang daripada suaminya, dan membelanjakan wang itu untuk dirinya sendiri.

Bagi orang-orang perempuan yang meminta cherai daripada suaminya, sebab-sebabnya mungkin berikut:^{26.}

1. Suami tidak memberi nafkah yang chukup oleh kerana suaminya malas bekerja atau suami menghabiskan wang berjudi atau berjoli untuk dirinya sendiri sahaja.
2. Suami mahu isterinya tinggal selama-lama dengannya dikampungnya, dan tidak membenarkan isterinya itu berjalan kerumah saudara maranya.
3. Ibu suami selalu masok champor dalam hal rumah tangga dan berkelahi dengan menantu perempuannya, dan suami pula menyebelah pihak emaknya.

25. Judith Djamour, Malay Kinship and Marriage in Singapore, hal. 118, The Athlone Press, University of London, 1958

26. Ibid.

Bagi isteri yang meminta cherai itu, biasanya saudara maranya mengetahui akan penderitaannya dan menyuroh ia meminta cherai.

Sebab-sebab yang diatas ini menunjukkan betapa mudahnya percheraian itu dalam masyarakat Melayu. Bagaimanakah dapat diatasi atau dikurangkan berlakunya percheraian itu? Saya yakin ada beberapa langkah yang mungkin diambil.

Langkah-langkah yang mungkin mengurangkan percheraian.

Dalam perhubaan untuk mengurangkan percheraian itu saya fikir pihak orang-orang yang hendak berkahwin dan juga pihak Mahkamah Shariah atau pegawai-pegawai yang berkenaan dengan soal nikah ka•win, kedua-duanya harus memainkan peranan mereka.

Bagi pihak orang-orang yang hendak mendirikan rumah tangga, iaitu menempoh chara hidup baharu, mereka harus lengkapa dalam soal perkahwinan, supaya menjadi suami dan isteri yang lebh bertanggong jawab, yang dapat mengemudikan bahtera hidup mereka berdua dengan licin. Oleh yang demikian orang-orang yang hendak berkahwin mesti mempunyai persedian-persediaan yang betul. Untuk menchapai chita-chita ini kedua-dua pihak, terutama pihak laki-laki, hendaklah matang umurnya agar lengkap fikirannya, bukannya "budak mentah" yang ingin beristeri semata-mata untuk memuaskan keperluan sexnya sahaja, sedangkan dalam hal yang lain seperti dari segi moral, segi agama, dan segi hidup bermasyarakat, mereka sama sekali jahil.

Jadi soal yang harus diselesaikan ialah bagaimana hendak menyediakan pemuda dan pemudi yang mengerti akan selok belok berumah

tangga. Siapakah yang harus mengambil inisiatif?

Dalam hal inilah saya yakin Mahkamah Shariah boleh memainkan peranan yang penting. Pejabat agama bagi tiap-tiap negeri harus mengadakan kursus-kursus untuk orang-orang ini, atau pun menerbitkan buku-buku atau risalah-risalah untuk menjadi panduan orang-orang yang hendak berkahwin dari semua seginya, misalnya tentang tanggong jawab suami terhadap isteri dan sebaliknya, tanggong jawab mereka terhadap mertua masing-masing, dan tanggong jawab mereka terhadap anak-anak mereka. Mereka ini harus diajar sharat-sharat cherai yang sebenarnya seperti yang dikehendaki oleh agama Islam, agar suami tidak akan mengambil keputusan yang terburu-buru mencheraikan isteri-isteri mereka semata-mata mengikut kehendak nafsu mereka.

Selain daripada menyediakan orang-orang yang hendak menaikki jinjang pelamin, Mahkamah Shariah juga boleh mengambil langkah-langkah yang lain untuk mengurangkan percherai:

1. Saya suruh supaya pegawai Mahkamah Shariah atau pendaftar nikah cherai atau juru nikah berchermat sedikit apabila memerlukan aduan mencherai atau meminta cherai. Sebelum meluluskan percherai itu hendaklah pihak-pihak yang berkenaan memberi nasihat yang jujur dan "serious" kepada kedua-duanya.

2. Pihak berkenaan harus menanggohkan perkara ini sehingga dilantek dua orang hakim, seorang dari pihak suami dan seorang dari pihak isteri, untuk menyelesaikan perkara yang kusut.

3. Jika suami berkeras juga hendak mencheraikan isterinya, dengan tiada dapat ditahan lagi, maka hendaklah mahkamah memerentah suami itu membayar atau mendahulukan nafkah isteri yang dicheraikannya itu selama

isteri itu didalam idahnya, serta hendaklah suami itu menyempurnakan sekali hutang mas kahwin jika ia berhutang. Maka hendaklah mahkamah mentadbirkan wang itu kepada perempuan yang dicheraikannya.

4. Jika suami yang mencheraikan isterinya itu enggan menyempurnakan sharat-sharat yang diterangkan diatas, maka hendaklah pegawai mahkamah atau pendaftar nikah cherai itu jangan mendaftarkan percheraian itu.

5. Saya juga menshorkan supaya Mahkamah Shariah bagi tiap-tiap negeri, seperti mana yang telah diadakan siseparoh tempat, mengadakan undang-undang yang lebeh ketat lagi bagi suami yang hendak berkahwin lebeh dari satu. Sekiranya ada banyak isteri mungkin timbul sikap tidak bertanggong jawab bagi pihak suami.

6. Akhir sekali saya menchadangkan supaya mahkamah mengambil langkah menetapkan mas kahwin yang tinggi, dengan harapan sukar suami hendak mencheraikan isterinya kerana payah hendak menyelesaikan mas kahwin itu.

Dengan mengambil langkah-langkah ini saya fikir mungkin percheraian dalam masyarakat Melayu dapat dikurangkan.

10. Raymond Firth, BAHAN BACHAAN.

1. Ralph Linton, The Study of Man, Appleton Century Crofts, New York, 1926.
2. Harry L. Shapiro, (Ed.), Man, Culture and Society, New York/Oxford University Press, 1956.
3. R.M. MacIver and Charles H. Page, Society, An Introductory Analysis, Macmillan & Co. Ltd. London, 1961.
4. Abdullah Munshi, Hikayat Abdullah, ed. by Datoek Besar and R. Roelvink, Djakarta and Amsterdam, 1951
5. J. Djamour, Malay Kinship and Marriage in Singapore, University of London, 1959.
6. Muhammad Fadhilullah Suhaimi, Panduan Kahwin, Penerbit Melayu Ltd., Johore Bahru, 1941.
7. Irwin T. Saunders, The Community, An Introduction to a Social System, The Royal Press Co., New York,
8. Raymond Firth, Elements of Social Organisation, Watts & Co., London, 1956.
9. Raymond Firth, Malay Fishermen: Their Peasant Economy, Butler and Tanner Ltd., Frome and London, 1946.

10. Raymond Firth, Report on Social Science Research in Malaya, Singapore, 1948.
11. William W. Howells, The Heathens, Primitive Man and his Religions, Doubleday and Co. Inc., Garden City, 1948.
12. Taylor E.N, Malay Family Law, in JRAS, MB, Vol.15, Part I, 1937.
13. Wilkinson R.J, The Incidents of Malay Life, in Papers on Malay Subjects, Kuala Lumpur, 1908.
14. R. Winstedt, The Malays: A Cultural History, Kelly & Walsh Ltd., Singapore, 1947.
15. Ivor H.N. Evans, Studies in Religions, Folklore and Customs in British North Borneo and the Malay Peninsula, Cambridge at the University Press, 1923.
16. F.A. Swettenham, Malay Sketches, Ballantyne Hanson & Co., London and Edinburgh, 1895.
17. Syed Alwi bin Sheikh Al-hadi, Adat Resam Melayu dan Adat Istiadat, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1960.
18. Syed Ahmad Moinuddin Habibi, The Muslim Concept of Marriage, in the World Muslim League, Vol.I, No.11, Oct.1964, Tak Seng Press, Singapore.
19. Syed Ahmad Moinuddin Habibi, Reforms Introdused by Islamic Law of Diverce, in the World Muslim League, Vol.II, No. 1, Dec.1964, Tak Seng Press, Singapore.

20. Ahmad bin Mohamed Ibrahim, The Administration of Malay Law in Malaysia,
in the World Muslim League, Vol.II, No.4,
Mar.1965, Tak Seng Press Singapore.
21. Ahmad bin Mohamed Ibrahim, The Administration of Family Law in Malaysia,
in World Muslim League, Vol.II, No.5,
Apr.1965, Tak Seng Press, Singapore.